KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

LAPORAN TAHUNAN 2020



UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

KEJURUTERAAN & TEKNOLOGI UNTUK KEMANUSIAAN

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

LAPORAN TAHUNAN 2020

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

Diterbitkan oleh:
Universiti Malaysia Perlis
www.unimap.edu.my
UniversitiMalaysiaPerlis | universitimalaysiaperlis
@PROUniMAP | UniMAP TV Online
universiti-malaysia-perlis

KANDUNGAN

3 **BAB 1** PROFIL UNIVERSITI

21 **BAB 2** PERUTUSAN PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

25 **BAB 3** LAPORAN NAIB CANSELOR

33 **BAB 4** WOW UniMAP

35 **BAB 5** PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA

41 **BAB 6** SUMBER MANUSIA

51 **BAB 7** HAL EHWAL AKADEMIK

61 **BAB 8** PENGANTARABANGSAAN

73 **BAB 9** PENYELIDIKAN DAN INOVASI

89 **BAB 10** KECEMERLANGAN MAHASISWA DAN PEMERKASAAN ALUMNI

107 **BAB 11** PENERBITAN

115 **BAB 12** KERJASAMA DAN HUBUNGAN LUAR

119 **BAB 13** KEUSAHAWANAN, JARINGAN INDUSTRI & MASYARAKAT

137 **BAB 14** TANGGUNGJAWAB SOSIAL UniMAP (USR)

149 **BAB 15** PRASARANA INFRASTRUKTUR DAN INFOSTRUKTUR

171 **BAB 16** LAPORAN KEWANGAN

BAB 1

PROFIL UNIVERSITI



LOGO UniMAP

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

JUSTIFIKASI LOGO

Bentuk separa-oval dikaitkan dengan elemen unsur sains dan teknologi, atom, orbit dan globalisasi. Empat belas bulatan kuning kecil di dalam segitiga sama melambangkan 14 buah negeri di Malaysia. Titik-titik berpadu ke pelbagai arah, khususnya ke utara, dalam posisi menyahut wawasan, mendepani pelbagai situasi dan cabaran.

Tiga lapisan perak yang bertanda arah mewakili nilai teras UniMAP iaitu ILMU KEIKHLASAN KECEMERLANGAN. Lapisan itu juga memaparkan aspek keseimbangan antara alam dengan kejuruteraan, kedinamikan dan ketenagaan.

WARNA

Warna BIRU, KUNING dan PERAK adalah warna korporat UniMAP.

- Biru membawa maksud alam, harmoni, disiplin dan bidang kejuruteraan.
- Perak mencerminkan teknologi tinggi, keperkasaan dan keikhlasan.
- Kuning melambangkan kecemerlangan, kedaulatan, kejayaan dan hayat kehidupan.



JUSTIFIKASI LOGOTAIP UniMAP

UniMAP [u+nimap] adalah singkatan bagi Universiti Malaysia Perlis. Penggunaan warna biru untuk huruf "U" dan "MAP" merupakan warna asas universiti yang membawa maksud alam, harmoni, disiplin dan bidang kejuruteraan.

Huruf "ni" dalam bentuk artistik berwarna kuning dengan garis bentuk berwarna biru menjadi pengantara huruf "U" dan "MAP" membawa maksud Nilai Insan dan "Soft Skills".

Segi tiga warna perak di penjuru atas huruf U, M dan P membawa maksud tiga nilai teras UniMAP yang menjadi tonggak universiti iaitu ILMU KEIKHLASAN KECEMERLANGAN.



MISI

Melahirkan insan kamil yang menyumbang kepada agenda pembangunan dan daya saing industri negara.

VISI

Universiti Teknikal yang berdaya saing di persada antarabangsa.

NILAI TERAS

- ILMU
- KEIKHLASAN
- KECEMERLANGAN

OBJEKTIF

PELAJAR: Untuk membangunkan pemimpin masa depan yang holistik melalui pendidikan menyeluruh yang mempraktikkan ilmu pengetahuan dan kemahiran.

RANGKAIAN UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA / MTUN: Untuk memainkan peranan dalam pengajian tinggi TVET demi pembangunan industri negara.

KOMUNITI: Untuk menjadi pemangkin perkongsian ilmu dan teknologi dengan masyarakat.

FAKULTI DAN STAF: Untuk menyediakan persekitaran yang memberdayakan pembangunan intelektual dan profesional.

PENYELIDIKAN: Untuk menjana ilmu baharu melalui usaha penyelidikan yang strategik bagi manfaat manusiawi.

BUDAYA KAMPUS: Untuk membangunkan persekitaran intelektual yang kondusif bagi perkongsian ilmu, pandangan, budaya serta idea dalam usaha mencapai kemampanan.

PEMBANGUNAN BANGSA: Untuk menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara dan memperkaya budaya Malaysia.

MATLAMAT & FALSAFAH

Program kejuruteraan di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) mempunyai matlamat untuk menghasilkan graduan kejuruteraan yang berkelayakan dalam pelbagai bidang strategik yang berupaya mencari penyelesaian kepada pelbagai bentuk masalah menerusi pemikiran yang inovatif. Kursus kejuruteraan yang yang dijalankan di universiti pada dasarnya menitikberatkan kepada *lab-intensive* dengan memberi lebih penekanan kepada amali. Kursus-kursus yang ditawarkan menyatukan teori dengan amali mengikut keperluan industri. Semasa mengikuti kursus, pelajar juga akan dibekalkan dengan kemahiran pengurusan, perakaunan, keusahawanan, kemahiran berkomunikasi, kokurikulum dan pembangunan sahsiah. Ini bertujuan untuk melahirkan jurutera dan pembantu jurutera yang bukan sahaja cekap dalam bidang berteknologi tinggi yang mereka ikuti, tetapi juga berkebolehan untuk berdikari dan mempunyai sifat mulia dan terpuji.



SEKILAS PANDANG

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), dahulunya dikenali sebagai Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) telah diluluskan penubuhannya oleh Jemaah Menteri pada 25 Julai 2001. Pada 1 April 2002, Universiti Awam ke -17 ini mula beroperasi di bangunan Yayasan Pok & Kassim, Kubang Gajah, Arau, Perlis. Naib Canselornya yang pertama, Datuk Prof. Emeritus Dr. Kamarudin Hussin telah dilantik pada 16 Februari 2002. Setelah lima tahun bertapak di bumi Perlis, universiti ini telah dijenamakan semula daripada KUKUM kepada UniMAP pada 1 Februari 2007. Sebagai sebuah universiti yang bertapak di alaf baru dan beroperasi di beberapa lokasi sementara, UniMAP berbangga dengan kewujudan kampus tetapnya yang tersergam indah di Pauh Putra serta di Sungai Chuchuh.

Lebih membanggakan lagi apabila kampus tetap di Pauh Putra itu telah disempurnakan perasmiannya oleh YAB Perdana Menteri Malaysia yang ke-6, Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak pada 3 Mac 2013. YAB Perdana Menteri dalam ucapannya menyatakan bahawa kewujudan UniMAP, sebuah universiti berteraskan kejuruteraan di negeri Perlis telah berjaya melonjakkan pembangunan dalam pelbagai aspek di negeri ini dan boleh diibaratkan sebagai nadi pembangunan negara.

UniMAP memulakan pengambilan sulung pelajarnya pada 20 Jun 2002 dengan jumlah pelajar 116 orang. Kini UniMAP telah mempunyai seramai 12,797 pelajar, iaitu terdiri daripada 9,756 pelajar Program Ijazah Sarjana Muda, 1,557 pelajar Program Diploma dan 1,484 pelajar Program Pascasiswazah. Untuk melaksanakan tanggungjawabnya, UniMAP memiliki 2,076 staf, iaitu terdiri daripada 1,098 staf Kumpulan Pengurusan Dan Profesional (Akademik), 210 staf Kumpulan Pengurusan Dan Profesional (Pentadbiran) dan 768 staf Kumpulan Pelaksana.

Pada masa ini, UniMAP menawarkan enam (6) Program Diploma Kejuruteraan, 14 Program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan, 13 Program Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan, enam (6) Program Ijazah Sarjana Muda Teknologi, dua (2) Program Ijazah Sarjana Muda Perniagaan dan satu (1) Program Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Media Baharu. Di samping itu, UniMAP turut menawarkan pelbagai program pascasiswazah dengan 38 bidang penyelidikan untuk program Doktor Falsafah dan Sarjana Sains Mod Penyelidikan, manakala terdapat enam (6) program pengajian Sarjana Sains Mod Campuran, satu (1) program pengajian Sarjana Pentadbiran Pengajian Mod Kerja Kursus dan 38 bidang pengajian peringkat Doktor Falsafah (PhD).

Setelah melebihi 18 tahun penubuhannya, UniMAP telah melaksanakan penstrukturan semula berkuat kuasa mulai 2 Mac 2020, selari dengan hasrat universiti untuk memantapkan lagi sistem pengurusan dan pentadbiran universiti ke arah hala tuju pengajian tinggi dalam memperkasakan bidang latihan teknikal dan vokasional atau TVET di Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN). Penstrukturan organisasi yang baharu ini dilakukan secara berperingkat dan melibatkan penjenamaan semula pusat-pusat tanggungajawab di UniMAP serta telah selesai sepenuhnya pada Disember 2020. Pelaksanaan secara berperingkat ini adalah bertujuan untuk melancarkan sistem operasi harian universiti di samping menangani cabaran pandemik COVID-19 di seluruh dunia.

Secara umumnya, UniMAP merupakan universiti yang berfokus kepada bidang kejuruteraan dan teknologi. Atas dasar itu, kurikulum pengajian yang ditawarkan di universiti ini adalah sentiasa relevan dengan keperluan industri. Sejajar dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0 (Industry4WRD) yang kini menjadi satu tamadun terkini seluruh dunia, UniMAP turut menyatakan komitmen untuk mengadaptasi dan mengadoptasi budaya ini supaya peranan universiti terus relevan malah wajar menjadi pemimpin kepada produk dan perkhidmatan yang berasaskan Industry4WRD ini.





CANSELOR

DULI YANG TERAMAT MULIA TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA IBNI TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL

D.K., S.P.M.P., P.A.T.
Doctor of Education (Honoris Causa), La Trobe University Melbourne, Australia
Honorary Doctorate in Management Sciences, Yala Rajabhat University, Thailand

RAJA MUDA PERLIS

DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail telah diputerakan pada tanggal 30 Disember 1967, hasil ikatan kasih sayang antara DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, Raja Perlis dan DYMM Tuanku Tengku Fauziah binti Al- Marhum Tengku Abdul Rashid, Raja Perempuan Perlis. Baginda merupakan putera sulung bagi pasangan DiRaja itu. Baginda memulakan alam persekolahan peringkat rendah pada tahun 1974 di Sekolah Rendah Kebangsaan Putra, Kangar, Perlis dan peringkat menengah pada tahun 1980 di Sekolah Menengah Derma, Kangar, Perlis dan seterusnya menyambung pengajian di Sekolah Menengah Penang Free School, Pulau Pinang pada tahun 1983. Baginda kemudiannya berangkat ke Melbourne, Australia pada tahun 1984 untuk melanjutkan pelajaran di Carey Grammar School, Kew dengan memasuki tingkatan lima dan kemudian mengikuti pengajian matrikulasi sehingga tahun 1985.

Baginda kemudiannya melanjutkan pengajian di La Trobe University, Bundoora, Melbourne. Baginda memperolehi Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (B.Ec.) pada tahun 1989. Dalam tahun 2002, Baginda diiktiraf dengan La Trobe Medal, iaitu gelaran penghormatan tertinggi bagi universiti tersebut. Baginda adalah penerima kedua anugerah tersebut, selepas Presiden negara Greece. Bermula tahun 1990 hingga 1998, Baginda menjawat pelbagai jawatan bersama Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) di mana jawatan terakhir sebagai Pengurus kawasan bagi Switzerland, Austria dan Eropah Tengah.

Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail telah mendirikan rumahtangga dengan DYTM Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil pada 9 Mei 1994 dan dikurniakan dua orang puteri dan seorang putera, Yang Amat Mulia Sharifah Khatreena Nuraniah, Yang Amat Mulia Sharifah Farah Adriana dan Yang Amat Mulia Syed Sirajuddin Areeb Putra. Baginda telah dianugerahkan darjah kebesaran Seri Paduka Mahkota Perlis (S.P.M.P.) sempena Ulangtahun Hari Keputeraan Tuanku Raja Perlis pada tahun 1998. Pada tahun 2000 pula, Baginda dianugerahkan gelaran Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perlis dan Baginda memainkan peranan dan fungsi rasmi sebagai Raja Muda selepas perisytiharan rasmi dilangsungkan pada 12 Oktober 2000. Baginda telah dilantik sebagai Pemangku Raja Perlis pada 12 Disember 2001 untuk tempoh lima tahun apabila DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail dilantik sebagai Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong ke - 12. Pada tarikh tersebut juga baginda dikurniakan Bintang kebesaran Darjah Kerabat Perlis (D.K.). Dengan perlantikkan tersebut, Pada 1 September 2003, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail telah dilantik sebagai Canselor Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) yang pertama.

Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail merupakan seorang peminat bola sepak. Semasa zaman persekolahan, Baginda turut mewakili pasukan negeri dalam kejohanan bola sepak Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia. Baginda juga merupakan peminat setia pasukan Manchester United. Pada masa kini, Baginda juga merupakan peneraju Rejimen 504 Askar Wataniah sebagai Komander berpangkat Brigedier Jeneral. Baginda juga merupakan Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) dan Presiden Kelab Golf Putra Perlis. Baginda juga adalah penaung bagi Persatuan Alumni La Trobe University Malaysia (PALTUM), Persatuan Bulan Sabit Merah Cawangan Perlis, Malaysia Chefs Association, Projek Bola Sepak Ken Barnes Soccer Skills SeMalaysia, Persatuan Boling Padang Perlis, serta Pertubuhan Jemaah Dato'- Dato' Perlis. Selain itu, Baginda juga telah dilantik sebagai Pengerusi Yayasan Tuanku Syed Putra (YTSP), sebuah institusi kebajikan yang banyak mengambil berat terhadap kemajuan pendidikan dan peningkatan taraf hidup rakyat. Sebagai seorang anak Raja yang berjiwa rakyat Baginda amat dikasihi oleh setiap lapisan masyarakat di Negeri Perlis ini.



PRO CANSELOR

DULI YANG TERAMAT MULIA TUANKU HAJAH LAILATUL SHAHREEN AKASHAH KHALIL

S.P.M.P.
Honoris Causa in Health Sciences
Universidad Nacional Pedro Henriquez Urenã. DR.

RAJA PUAN MUDA PERLIS

DYTM Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil telah dilantik sebagai Pro Canselor UniMAP pada 13 Mac 2009. Penyerahan watikah pelantikan Pro Canselor ini telah disempurnakan oleh DYTM Tuanku Canselor di Istana Arau pada 28 Jun 2009.

Baginda diputerikan di Hospital Besar Kuala Lumpur pada 28 Mac 1970 dan merupakan puteri kedua daripada empat orang anak perempuan Dato' Haji Khalil Akasah dan Datin Hajah Nik Rahimah Wan Ahmad. Baginda merupakan bekas pelajar Sekolah Convent Bukit Nanas, Kuala Lumpur mulai tahun 1977 hingga 1984. Baginda seterusnya meneruskan pelajaran di Melbourne, Australia, selama lapan tahun. Ketika di Australia, Baginda mulanya menuntut di Merton Hall – Melbourne Girls Grammar School, dan kemudiannya di La Trobe University yang menganugerahi Baginda Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam bidang Kemanusiaan pada tahun 1992.

Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil mempunyai pelbagai minat dan bakat. Selain membaca, melukis dan berseni. Baginda meminati sukan luncur ais, jet ski dan berenang. Baginda pernah juga mengikuti kursus asas Bahasa Mandarin, Perancis, Sepanyol dan Jerman. Sehinga tahun 1995, Baginda memegang jawatan sebagai Pengurus Pentadbiran ASIE Sdn. Bhd. Tetapi mengambil keputusan meletakkan jawatan apabila mula mengiringi Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail berangkat menjalankan tugas Baginda di luar negara. Hampir tiga (3) tahun di Madrid, Sepanyol dan empat (4) tahun di Zurich, Switzerland.

Pada 1 Ogos 2002, Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil dikurniai gelaran rasmi Duli Yang Teramat Mulia Raja Puan Muda Perlis apabila Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail diistiharkan sebagai Raja Muda Perlis. Baginda dikurniakan anugerah Seri Paduka Mahkota Perlis (SPMP) yang membawa gelaran 'Dato Seri' pada 17 Mei 2002.

Baginda merupakan Penaung bagi Persatuan Pengasuh Berdaftar Malaysia, Persatuan Kebangsaan Autisme Malaysia Cawangan Perlis, Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Wanita (DEWANITA) Cawangan Perlis, Smart Reader Worldwide di samping menjadi Pengerusi Persatuan Alumni La Trobe University Malaysia (PALTUM) serta dilantik sebagai Pengerusi Yayasan Tuanku Fauziah (YTF) dan terkini baginda ditauliahi sebagai Mejar Kehormat dalam Rejimen Askar Wataniah.

Sebagai Pro Canselor, Baginda amat prihatin dalam apa jua yang melibatkan Universiti ini baik dari segi akademik, penyelidikan mahu pun aktiviti pelajar. Baginda sering berangkat mengiringi DYTM Tuanku Canselor ke pelbagai program dan aktiviti rasmi UniMAP.



LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

Pengerusi

1. **YM. Raja Dato' Azwane Raja Ariff**

Ahli

2. **YBhg. Prof. Ir. Ts. Dr. R Badlishah Ahmad**
   (Naib Canselor)
3. **YBhg. Dato' Shaharuddin Abu Sohot**
   (mulai 1 Jun 2020)
4. **YBrs. Encik Md. Farishzan Ismail**
5. **YBrs. Encik. Ridzuan Ishak**
6. **YBhg. Prof. Ir. Dr. Anuar Mat Safar**
   (mulai 1 Disember 2020)
7. **YBhg. Dato' Sri Syed Saleh Syed Abdul Rahman**
8. **YBrs. Encik Zainal Azni Zulkifli**
   (mulai 1 Mei 2020)
9. **YBrs. Puan Norleza Abu Bakar**
   (mulai 1 Mei 2020)
10. **YBhg. Dato' Ts. Dr. Mohammad Naim Yaakub**
    (mulai 28 Disember 2020)

Ahli Silih Ganti KPT

11. **YBrs. Encik Megat Azlani Megat Ramli**
    (mulai 1 Jun 2020)

Setiausaha

12. **YBrs. Tuan Hj. Mohd Saad Din**
    (Pendaftar)



PEGAWAI UTAMA UNIVERSITI

1. **YBhg. Prof. Ir. Ts. Dr. R Badlishah Ahmad**
   Naib Canselor

2. **YBhg. Prof. Ir. Ts. Dr. Mohd Rizal Arshad**
   Timbalan Naib Canselor
   (Akademik dan Antarabangsa)

3. **YBhg. Prof. Dr. Mohd Fo'ad Sakdan**
   Timbalan Naib Canselor
   (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

4. **YBhg. Prof. Ts. Dr. Mohd Mustafa Al Bakri Abdullah**
   Menjalankan Fungsi Timbalan Naib Canselor
   (Penyelidikan dan Inovasi)
   (Pelantikan bermula 15 April 2020)

5. **YBrs. Tn. Hj. Mohd Saad Din**
   Pendaftar

6. **YBrs. En. Rusdi Puteh**
   Bendahari
   (Pelantikan bermula 25 Ogos 2020)

7. **YBrs. Pn. Mazmin Mat Akhir**
   Ketua Pustakawan

8. **YBrs. Dr. Hirwan Jasbir Jaafar**
   Menjalankan Fungsi Penasihat Undang-Undang
   (Pelantikan bermula 26 November 2020)

AHLI SENAT

PENGERUSI

1. **Prof. Ir. Ts. Dr. R Badlishah Ahmad**
   Naib Canselor

TIMBALAN-TIMBALAN NAIB CANSELOR

2. **Prof. Ir. Ts. Dr. Mohd Rizal Arshad**
   Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
3. **Prof. Dr. Mohd Fo'ad Sakdan**
   Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
4. **Prof. Ts. Dr. Mohd Mustafa Al Bakri Abdullah**
   Menjalankan Fungsi Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

DEKAN FAKULTI / PENGARAH INSTITUT

5. **Prof. Madya Ts. Dr. Azremi Abdullah Al Hadi**
   Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektronik
6. **Prof. Madya Ir. Dr. Mohd Shukry Abdul Majid**
   Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal
7. **Prof. Madya Dr. Haziah Abd. Hamid**
   Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik
8. **Prof. Madya Dr. Muhammad Syarhabil Ahmad**
   Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia
9. **Dr. Afizah Ayob**
   Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan Awam
10. **Prof. Madya Ku Halim Ku Ariffin**
    Dekan Fakulti Sains Gunaan & Kemanusiaan
11. **Prof. Ir. Ts. Dr. Abu Hassan Abdullah**
    Pengarah, Institut Agroteknologi Lestari

PROFESOR

12. **Prof. Emeritus Dato' Wira Dr. Mohd Salleh Hj Din**
    Profesor, Fakulti Sains Gunaan & Kemanusiaan
    (Penolong Naib Canselor, Pusat Keusahawanan, Jaringan Industri & Masyarakat)
13. **Prof. Dr. Harshita Aini Haroon**
    Profesor, Fakulti Sains Gunaan & Kemanusiaan
    (Penolong Naib Canselor, Pusat Pengurusan Strategi & Kualiti)
14. **Prof. Ir. Dr. Anuar Mat Safar**
    Profesor, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektronik
    (Ketua Pegawai Digital, Pusat Pengurusan & Pembangunan Digital)
15. **Prof. Dr. Salleh Abd Rashid**
    Profesor, Fakulti Sains Gunaan & Kemanusiaan
    (Pengarah, Pusat Pembangunan Kepimpinan Pendidikan Lestari)
16. **Prof. Dato' Dr. Ali Yeon Md Shakaff**
    Profesor, Institut Agroteknologi Lestari
17. **Prof. Dr. Syed Alwee Aljunid Syed Junid**
    Profesor, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektronik
18. **Prof. Dr. Abdul Hamid Adom**
    Profesor, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik
19. **Prof. Dr. Mohd Yusoff Mashor**
    Profesor, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektronik
20. **Prof. Dr. Prabakaran a/l Poopalan**
    Profesor, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektronik
21. **Prof. Ir. Ts. Dr. Rezuwan Hj. Kamaruddin**
    Profesor, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia
22. **Prof. Ts. Dr. Uda Hashim**
    Profesor, Institut Kejuruteraan Nano Elektronik
    (Pengarah, Institut Kejuruteraan Nano Elektronik)

DI KO-OPT

23. **Prof. Madya Ir. Dr. Ruslizam Daud**
Pengarah, Pusat Pengurusan Akademik

24. **Prof. Madya Ir. Dr. Mohd Khairuddin Md Arshad**
Pengarah, Pusat Pengajian Siswazah

25. **Prof. Madya Ts. Dr. Nasrul Hamidin**
Pengarah, Pusat Pembangunan Profesional & Pembelajaran Berterusan

26. **Saudari Syahirunnisa Ramli**
Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar

27. **Saudara Mohd Firza Ahmad Fauzi**
Naib Yang Dipertua 1 Majlis Perwakilan Pelajar

EX-OFFICIO

28. **En. Rusdi Puteh**
Bendahari

29. **Pn. Mazmin Mat Akhir**
Ketua Pustakawan

30. **Dr. Hirwan Jasbir Jaafar**
Menjalankan Fungsi Penasihat Undang-Undang

SETIAUSAHA

31. **Tn. Hj. Mohd Saad Din**
Pendaftar

Mantan Ahli Senat 2020

1. **Prof. Madya Ir. Dr. Muzammil Jusoh**
Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (Sehingga 14 September 2020)

2. **Prof. Madya Dr. Shahrir Rizal Kasjoo**
Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik (Sehingga 14 September 2020)

3. **Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Firdaus Omar**
Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan (Sehingga 14 September 2020)

4. **Ts. Dr. Muhammad Juhairi Aziz Safar**
Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik (Sehingga 14 September 2020)

5. **Prof. Madya Dr. Farizul Hafiz Kasim**
Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Bioproses (Sehingga 14 September 2020)

6. **Prof. Madya Dr. Tunku Salha Tunku Ahmad**
Pengarah, Pusat Libatsama Antarabangsa (Sehingga 14 September 2020)

7. **Prof. Madya Dr. Huzili Hussin**
Dekan Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan Teknokomunikasi (Sehingga 14 September 2020)

8. **Prof. Madya Dr. Muhammad Zaini Ahmad**
Dekan Institut Matematik Kejuruteraan (Sehingga 14 September 2020)

9. **Prof. Madya Ts. Dr. Shafriza Nisha Basah**
Pengarah Pusat Kerjasama Industri dan Agensi Kerajaan (Sehingga 14 September 2020)

10. **Dr. Mahyun Ab Wahab**
Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar (Sehingga 14 September 2020)

11. **Dr. Sharmini Abdullah**
Dekan Pusat Bahasa Antarabangsa (Sehingga 14 September 2020)

12. **Dr. Faizul Che Pa**
Pengarah Pusat Kokurikulum (Sehingga 14 September 2020)

13. **Pn. Saodah Hassan**
Bendahari (Bersara pada 30 April 2020)

14. **Datuk Dr. Wan Ahmad Fauzi Hashim @ Wan Hussain**
Penasihat Undang-undang (Meletak jawatan berkuatkuasa 1 Oktober 2020)

KETUA JABATAN

1. **Prof. Emeritus Dato' Wira Dr. Mohd Salleh Hj. Din**
   Penolong Naib Canselor, Pusat Keusahawanan, Jaringan Industri & Masyarakat (Pelantikan berkuatkuasa 15 April 2020)

2. **Prof. Dr. Harshita Aini Haroon**
   Penolong Naib Canselor, Pusat Pengurusan Strategi & Kualiti (Pelantikan berkuatkuasa 15 April 2020)

3. **Prof. Ir. Dr. Anuar Mat Safar**
   Ketua Pegawai Digital, Pusat Pengurusan & Pembangunan Digital (Pelantikan berkuatkuasa 9 Januari 2020)

4. **Prof. Madya Dr. Haziah Abdul Hamid**
   Dekan, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Pelantikan berkuatkuasa 15September2020)

5. **Prof. Madya Ts. Dr. Azremi Abdullah Al Hadi**
   Dekan, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Pelantikan berkuatkuasa 15 September 2020)

6. **Prof. Madya Ir. Dr. Mohd Shukry Abdul Majid**
   Dekan, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Pelantikan berkuatkuasa 15 September 2020)

7. **Prof. Madya Dr. Muhammad Syarhabil Ahmad**
   Dekan, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia (Pelantikan berkuatkuasa 15 September 2020)

8. **Dr. Afizah Ayob**
   Dekan, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Awam (Pelantikan berkuatkuasa 15 September 2020)

9. **Prof. Madya Ku Halim Haji Ku Ariffin**
   Dekan, Fakulti Sains Gunaan & Kemanusiaan (Pelantikan berkuatkuasa 15 September 2020)

10. **En. Zulfatah Dzulkarnain**
    Pengarah, Pejabat Audit Dalam (Pelantikan berkuatkuasa 15 April 2020)

11. **Prof. Madya Ir. Dr. Ruslizam Daud**
    Pengarah, Pusat Pengurusan Akademik (Pelantikan berkuatkuasa 15 April 2020)

12. **Prof. Madya Ir. Dr. Mohd Khairuddin Md Arshad**
    Pengarah, Pusat Pengajian Siswazah (Pelantikan berkuatkuasa 15 April 2020)

13. **Prof. Dr. Salleh Abd Rashid**
    Pengarah, Pusat Pembangunan Kepimpinan Pendidikan Lestari

14. **Prof. Madya Dr. Tunku Salha Tunku Ahmad**
    Pengarah, Pusat Libatsama Antarabangsa (Pelantikan berkuatkuasa 15 April 2020)

15. **Prof. Madya Ts. Dr. Nasrul Hamidin**
    Pengarah, Pusat Pembangunan Profesional & Pembelajaran Berterusan (Pelantikan berkuatkuasa 15 April 2020)

16. **Prof. Madya Dr. Khairul Azwan Ismail**
    Pengarah, Jabatan Pembangunan (Pelantikan berkuatkuasa 15 April 2020)

17. **Prof. Ts. Dr. Mohd. Mustafa Al Bakri Abdullah**
    Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan (Pelantikan berkuatkuasa 1 April 2020)

18. **Pn. Haslina Hassan Basri**
    Pengarah, Pusat Inovasi & Pengkomersialan (Pelantikan berkuatkuasa 15 April 2020)

19. **Prof. Ts. Dr. Uda Hashim**
Pengarah, Institut Kejuruteraan Nano Elektronik (Pelantikan berkuatkuasa 30 Mac 2020)

20. **Prof. Madya Dr. Muhammad Syarhabil Ahmad**
Pengarah, Institut Agroteknologi Lestari (Pelantikan sehingga 14 September 2020)

21. **Prof. Ir. Ts. Dr. Abu Hassan Abdullah**
Pengarah, Institut Agroteknologi Lestari (Pelantikan berkuatkuasa 15 September 2020)

22. **Prof. Madya Ts. Dr. Siti Khadijah Za'aba**
Pengarah, Pusat Pengurusan Tenaga & Kampus Lestari (Pelantikan berkuatkuasa 15 April 2020)

23. **Prof. Madya Ir. Dr. Mohd Hafiz Fazalul Rahiman**
Pengarah, Penerbit UniMAP (Pelantikan berkuatkuasa 15 April 2020)

24. **En. Norazam Abdul Rashid**
Pengarah, Pusat Pengurusan Keselamatan, Kesihatan & Persekitaran Pekerjaan (Pelantikan berkuatkuasa 15 April 2020)

25. **Prof. Madya Ir. Dr. Muzammil Jusoh**
Pengarah, Pusat Pembangunan & Perkhidmatan Pelajar (Pelantikan berkuatkuasa 15 April 2020)

26. **Pn. Mashitoh Abu**
Pengarah, Pusat Kebudayaan (Pelantikan berkuatkuasa 15 April 2020)

27. **En. Muhammad Adib Hassan**
Pengarah, Pusat Islam & Pembangunan Insan (Pelantikan berkuatkuasa 15 April 2020)

28. **Pn. Wan Saniah Wan Yahya**
Pengarah, Pusat Kaunseling (Pelantikan berkuatkuasa 15 April 2020)

29. **En. Suhizaz Sudin**
Pengarah, Pusat Sukan & Rekreasi (Pelantikan berkuatkuasa 15 April 2020)

30. **Prof. Dr. Mohd Fo'ad Sakdan**
Pengarah, Pusat Kesihatan Universiti (Pelantikan berkuatkuasa 15 April 2020)

31. **Dr. Mohd Zakimi Zakaria**
Pengarah, Pusat Perhubungan Alumni (Pelantikan berkuatkuasa 15 April 2020)


32. **Dr. Hirwan Jasbir Jaafar**
Pengarah, Pusat Perumahan Pelajar (Pelantikan berkuatkuasa 15 April 2020)

33. **Dr. Mahyun Ab Wahab**
Menjalankan Fungsi Pengarah Pusat Perumahan Pelajar (Pelantikan berkuatkuasa 10 Oktober 2020)

34. **Cik Sharmila Saidin**
Pengarah, Pusat Komunikasi Korporat (Pelantikan berkuatkuasa 15 April 2020)

35. **En. Mustaffa Ismail**
Pengarah, Jabatan Keselamatan (Pelantikan berkuatkuasa 15 April 2020)

STRUKTUR ORGANISASI



BAB 2

PERUTUSAN PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI





PERUTUSAN
PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

Assalamualaikum dan Salam Ilmu Keikhlasan Kecemerlangan UniMAP

Bismillahir Rahmanir Rahim

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah dan Maha Pengasih. Sesungguhnya segala pujian itu milik Allah Azza wa Jalla Pemerintah sarwa jagat. Seperangkat selawat dan salam diucapkan kepada junjungan besar Nabi Muhammad (s.a.w.), para sahabat dan anggota keluarga Baginda. Setinggi-tinggi ucapan tahniah dan terima kasih kepada semua anggota pengurusan dan jawatankuasa pelaksana yang terlibat dalam menerbitkan Buku Laporan Tahunan UniMAP Bagi Tahun 2020 ini.

Kita telah melalui seribu satu perjalanan yang penuh pancaroba sepanjang tahun 2020. Senario pengajian tinggi global pada masa ini amat terkesan dengan pandemik COVID-19 yang melanda. Tempoh krisis dan pemulihan yang berpanjangan memerlukan kita untuk mencari solusi yang lebih kreatif dan inovatif bagi memastikan kelestarian institusi pendidikan tinggi terpelihara. Terdapat pelbagai cabaran yang harus kita depani bersama. Namun tidak dapat dinafikan bahawa pandemik ini telah mengubah norma dan amalan biasa dalam setiap aspek kehidupan kita. Hikmahnya, kita menjadi lebih inovatif, anjal dan dinamik serta berupaya menyesuaikan diri dari segi cara pemikiran, gaya hidup serta budaya kerja kita.

Bersama dengan inisiatif Kerajaan, Pengurusan Universiti telah mengambil tindakan dengan pantas dalam menerapkan strategi krisis untuk melindungi staf dan para pelajar. Pembelajaran dalam talian juga dilaksanakan bagi memastikan proses dan kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) terus berjalan lancar. Pengaplikasian PdP secara maya memerlukan kemahiran, pengetahuan dan seterusnya meningkatkan kemahiran teknologi maklumat untuk pengembangan ilmu dalam kalangan pensyarah dan pelajar seterusnya sejajar dengan harapan Kerajaan untuk untuk mendepani cabaran di era Revolusi Industri 4.0 (IR4.0).

Selain itu, kecemerlangan sesebuah institusi bertitik tolak daripada pemantapan tadbir urusnya. Wacana mengenai perkara ini bukanlah sesuatu yang baharu, malah KPT telah menyatakan perkara ini dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) dan melalui penghasilan Buku Hijau – *Enhancing University Board Governance and Effectiveness* yang membicarakan secara khusus mengenai tadbir urus Universiti yang baik. Pihak Universiti mengambil inisiatif dalam membuat penambahbaikan secara berterusan khususnya dalam aspek pengurusan kewangan; pengurusan projek; tadbir urus anak syarikat dan beberapa perkara lain.

Selaras dengan itu, penstrukturan semula organisasi UniMAP telah disemak semula pada tahun 2020 dan dibuat penambahbaikan agar UniMAP mempunyai satu struktur yang lebih mantap dan dapat mencapai hala tuju strategik seperti yang digariskan oleh pihak Universiti. Warga UniMAP perlu bijak mengimbangi tuntutan semasa, memiliki semangat dan daya juang yang tinggi agar dapat merealisasikan agenda transformasi negara serta mendepani pelbagai cabaran pada masa hadapan. Persekitaran yang begitu dinamik ini memerlukan kita untuk menyanggah pendekatan konvensional dengan

menampilkan idea-idea unik di luar kebiasaan yang dapat mengukuhkan jentera pentadbiran Universiti secara holistik.

Dalam pengukuhan ekosistem pengajian tinggi, aliran pendidikan TVET turut diangkat sebagai aliran pendidikan pilihan utama pelajar. Usaha ini digarap melalui pemantapan penjenamaan, peningkatan kualiti kurikulum, peningkatan kolaborasi dengan industri, pemantapan tadbir urus dan pertambahan penajaan kepada graduan TVET.

Sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah UniMAP, saya mengambil kesempatan di sini untuk menjunjung kasih kepada DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Canselor UniMAP dan DYTM Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil, Pro-Canselor yang telah memainkan peranan besar dalam menyemarakkan lagi program budaya ilmu dan kesarjanaan di UniMAP. Saya juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YB Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti, Naib Canselor, Ahli-ahli Senat Universiti, pegawai-pegawai kanan, staf dan mahasiswa yang telah bersama-sama berusaha dalam mencapai misi dan visi Universiti. Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini menyeru semua warga UniMAP supaya bersama-sama mendepani apa jua cabaran yang mendatang dalam usaha melahirkan insan kamil yang menyumbang kepada agenda pembangunan dan daya saing industri negara.



Raja Dato' Azwane Raja Ariff
Pengerusi Lembaga Pengarah

BAB 3

LAPORAN NAIB CANSELOR





LAPORAN
NAIB CANSELOR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Bersyukur kita ke hadrat Allah kerana dengan limpah kurnia dan izinNya kita telah dapat bersama-sama mengharungi tahun 2020 yang penuh dengan cabaran susulan pandemik COVID-19. Terima kasih saya ucapkan kepada warga UniMAP yang telah menjunjung amanah dalam melaksanakan mandat yang telah diberikan oleh kerajaan kepada kita. Semoga kejayaan ini akan menjadikan kita lebih beriltizam untuk terus maju pada tahun 2021 demi kecemerlangan UniMAP yang kita semua sayangi.

Alhamdulillah, walaupun berhadapan banyak kekangan dalam melaksanakan proses kerja yang selalunya ialah rutin dan kebiasaan, COVID-19 telah memaksa UniMAP menerokai proses-proses baharu yang berkaitan dengan tugas dan tanggungjawab teras masing-masing. Wabak ini juga telah memaksa kita berfikir secara luar dari kebiasaan, memungkinkan sesuatu yang tidak pernah pun tercuit dek akal kita sebelum ini, memberi definisi baharu kepada sesetengah konsep, dan memperkenalkan kita kepada cara bekerja yang baharu yang menuntut tahap integriti yang amat tinggi bagi warga UniMAP.

Salah satu objektif kualiti UniMAP ialah 75 peratus pensyarah berkelayakan PhD. Data terkini menunjukkan empat (4) daripada enam (6) fakulti di UniMAP telah melepasi sasaran ini iaitu Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektronik, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Fakulti Teknologi Kejuruteraan Awam.

Sementara itu, 185 orang tenaga pengajar telah mengikuti program *reskilling* dan *upskilling*, berbanding 100 yang disasarkan pada awal tahun, manakala 333 orang tenaga pengajar telah memperolehi sijil yang diiktiraf yang relevan dengan pembangunan bidang masing-masing. Bagi kekuatan penyelidikan dan inovasi, tahun 2020 menyaksikan 371 orang staf menjadi penyelidik utama berbanding 250 yang telah kita sasarkan.

Pendedahan kepada proses dan pengalaman akademik serta penyelidikan di luar negara juga menyumbang kepada kekuatan bakat universiti. Sebanyak 10 orang staf universiti telah berjaya mengikuti program mobiliti antarabangsa di Aalto Universiti, Finland; University of New South Wales, Australia dan Universiti of Yamanashi di Jepun. Keterbatasan fizikal telah tidak membantutkan program mobiliti staf *(outbound)* apabila 12 orang staf UniMAP telah terlibat dalam *Guest Lecture Series on SDGs, Teen Ideas dan Joint Lecture Series 2020*. Antara rakan universiti yang terlibat ialah University of Gujrat, Pakistan; Institut Teknologi Sepuluh Nopember (ITS, Surabaya) dan Universitas Muhammadiyah, Indonesia.

Pencapaian UniMAP dalam penyelidikan dan inovasi juga menonjolkan seperti kejayaan besar pensyarah UniMAP memperolehi 237 projek penyelidikan yang keseluruhannya berjumlah RM19.3juta, iaitu peningkatan sebanyak 197 peratus berbanding sasaran yang ditetapkan untuk tahun 2020. Peningkatan ini banyak dibantu oleh pakej rangsangan penyelidikan dan beberapa inisiatif

baru yang telah dilaksanakan, seperti pemberian geran dalaman yang keseluruhannya berjumlah RM1juta. Kejayaan seramai 104 pensyarah UniMAP yang berjaya memperoleh geran FRGS yang keseluruhannya berjumlah RM10.4juta juga menyumbang kepada peningkatan ini.

Sebanyak 29 rekacipta baru berjaya difailkan, enam (6) rekacipta baharu digerankan dan 92 Hak Cipta (Copyright) berjaya didaftar dengan MyIPO. Sementara itu, satu (1) Utiliti Inovasi dan satu (1) Rekabentuk Perindustrian berjaya dihasilkan. Lebih membanggakan lagi, pencapaian ini adalah yang tertinggi sejak penubuhan UniMAP. Sebanyak empat (4) perjanjian perlesenan bagi produk inovasi UniMAP telah berjaya diperolehi pada tahun 2020. Produk iHealth dan iTrack yang telah dilesenkan kepada syarikat Ideria Sdn. Bhd. yang masing-masing bernilai RM 10,000. Dua produk lagi ialah *University Smart Management System* (yang dilesenkan kepada Technopreneur at UniMAP Sdn. Bhd.) bernilai RM 132,000.00 dan produk *A Flying Apparatus For Aerial Agricultural Application* (dilesenkan kepada HAAS Solution Sdn. Bhd.).

Pandemik COVID-19 telah membuka ruang dan peluang kepada para penyelidik UniMAP untuk menghasilkan inovasi yang telah banyak membantu dalam operasi UniMAP dan organisasi dalam komuniti, seperti yang disenaraikan:

i) DIY *Face Shield for COVID-19 Medical Front Liners*
ii) Terowong Sanitasi Mudah Alih (*Mobile Sanitising Tunnel*) dan Kotak Sanitasi Mudah Alih (*Mobile Sanitising Box*)
iii) *UniMAP Geo-location Based Attendance and Analytical System*
iv) *Mobile COVID-19 Screening Booth*
v) *Covid Buster Robot*
vi) *Protective Intubation Device*
vii) *Clinical Samples Arrival Alert System*
viii) *Negative Pressure Isolation Chamber*
ix) *Edible Bird Nest: A Cure For COVID-19*
x) *Fabrication of Aerosol Box Proposal for COVID-19 Treatment Application*
xi) *COVID-19 Mass Quarasure*
xii) *COVID-19 Medical Diagnostic Device*
xiii) *Foldable Intubation Hood*

Kekuatan akademik dan penyelidikan UniMAP juga digemblengkan untuk manfaat dan pembangunan komuniti. Selain daripada sumbangan sebahagian produk kepada klinik kesihatan dan hospital seperti yang disenaraikan di atas, kita juga telah terlibat dalam 16 projek penyelidikan yang bersifat pemindahan ilmu, manakala 62 program telah dilaksanakan untuk tujuan pengupayaan komuniti. Dua daripada projek yang dijalankan ialah Projek *University for Society* (U4S) di Pulau Tuba, Langkawi iaitu projek *Digital Language e-Manual*, dan projek Keusahawanan Digital. 40 peratus daripada program pengajian UniMAP telah terlibat dalam program *Service Learning Malaysia University for Society* (SULAM), justeru menyokong agenda nasional yang mensasarkan pemerkasaan peranan universiti dalam pembangunan komuniti setempat.

UniMAP juga berjaya melibatkan 69 industri dan agensi untuk bekerjasama dengan UniMAP untuk menyumbang kepada kelestarian komuniti, yang telah menyaksikan penyertaan 1,863 ahli masyarakat. Secara keseluruhannya, seramai 2217 orang staf dan pelajar universiti telah terlibat dalam program universiti untuk komuniti yang telah kita anjurkan pada tahun 2020. Hal ini adalah permulaan yang baik dalam membantu komuniti mencapai kelestarian sebagai mana yang digariskan dalam agenda Matlamat Pembangunan Lestari (SDG).

Pendekatan dan kerangka pengurusan bakat berasaskan kompetensi (CBTM) berjaya dilancarkan pelaksanaannya pada tahun 2020. Namun, pencapaian pelaksanaan tidak mencapai sasaran yang ditetapkan, dengan hanya 32 peratus staf akademik berjaya mencapai set kompetensi yang ditetapkan, dan 50 peratus masing-masing bagi staf pentadbir professional dan staf pelaksana. Pelan tindakan untuk memantapkan pelaksanaan CBTM pada tahun 2021 telah dbangunkan supaya keberkesanannya dapat dilihat pada tahun hadapan.

Pelbagai program telah dilaksanakan pada tahun 2020 ke arah mencapai misi dan visi UniMAP. Daripada aspek akademik, kemampuan universiti untuk menawarkan pembelajaran secara dalam talian kepada para pelajar kita benar-benar diuji pada tahun 2020. Penarafan Lima Bintang bagi *QS Stars Online Learning* pada tahun 2020 menjadi bukti bahawa kita telah berjaya melakukannya. Namun begitu, ruang untuk penambahbaikan akan sentiasa ada, maka UniMAP akan sentiasa berusaha ke arah itu pada tahun ini. InsyaAllah melalui lebih banyak sesi latihan, proses pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian dan pembelajaran teradun akan diperkukuhkan.

Kekuatan akademik kita terbukti, apabila sehingga tahun 2020, 36 daripada 42 program akademik UniMAP telah mendapat akreditasi dan diiktiraf oleh badan antarabangsa. Dua program yang memperolehi akreditasi pada tahun 2020 ialah pertama, program Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Kimia (Kepujian) (Teknologi Makanan) yang diberi akreditasi untuk tempoh selama enam (6) tahun dan kedua, program pengajian Ijazah Sarjana Sains (Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik). Selain itu, selari dengan tuntutan industri tempatan dan global, 83 peratus program yang ditawarkan di UniMAP mempunyai elemen Industry4WRD, manakala teknologi yang sama diaplikasikan dalam hampir 98 peratus daripada kursus yang kita tawarkan. Selain menawarkan program kepada pelajar arus perdana, kepakaran UniMAP juga dikongsi bersama dengan pihak awam melalui penawaran 24 program profesional dan eksekutif, dan kursus jangka pendek seperti yang ditawarkan oleh PDCE. Antara program tersebut ialah *Executive Masters in Construction Project Management* dan *Professional Diploma in Construction Site Supervision*, yang kedua-duanya diakreditasikan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).

Dari segi kesejahteraan pelajar pula, penularan wabak COVID-19 telah memaksa UniMAP mengambil tindakan luar perancangan berkaitan pengurusan pelajar. UniMAP menjadi universiti terawal yang mengerakkan pelajar pulang ke kampung masing-masing dengan menyediakan 40 bas yang melibatkan 1500 pelajar ke seluruh destinasi di seluruh Semenanjung Malaysia. Tindakan ini diambil demi memastikan pelajar tidak menggunakan perkhidmatan awam lantas mendedahkan mereka kepada wabak.

Cakna tentang kebajikan pelajar, pihak universiti telah menyalurkan bantuan kewangan kepada hampir 2000 orang pelajar yang terkesan akibat COVID-19 berjumlah RM250,000.00. Selain itu, bantuan yang diterima oleh universiti sejumlah RM100,000.00 sepanjang bulan Mac hingga Jun 2020 telah juga diagihkan kepada semua pelajar yang menginap di kolej kediaman dalam tempoh PKP dan PKPB. Jabatan HEPA juga telah melancarkan Insentif Kasih UniMAP yang meliputi kadaran agihan RM1.18 juta kepada para pelajar.

Semangat kesukarelawanan dan kemahiran kepimpinan pelajar UniMAP terserlah sebaik bermulanya PKP sehingga kini. Sejumlah 100 orang sukarelawan dalam kalangan pelajar telah berkhidmat sepenuh masa menjaga kebajikan pelajar yang berada di kolej kediaman dan membantu memenuhi keperluan pelajar yang berada di rumah masing-masing. Saya mengucapkan tahniah dan terima kasih terutamanya kepada pasukan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Sesi 2019/2020 yang diterajui oleh Yang DiPertua MPP Saudari Syahirunnisa Ramli kerana turut bersama-sama menyumbang idea dan kudrat sepanjang tempoh kritikal pandemik tahun 2020. Semoga kemahiran yang dipamerkan oleh pasukan tersebut terus digilap dan menjadi aset kepada mereka semua apabila keluar ke alam pekerjaan kelak.

Selari dengan aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) 2015-2025, kita percaya bahawa kecemerlangan akademik sahaja tidak boleh menjadi kayu pengukur kepada kejayaan seorang insan. Di samping program *Pillars* yang ditawarkan, kita juga telah melaksanakan 165 program bertujuan memupuk nilai murni dan jati diri dalam kalangan pelajar. Kesejahteraan pelajar juga aspek utama kerana universiti percaya bahawa keperluan asas pelajar perlu dipenuhi dahulu sebelum

mereka dapat memenuhi potensi mereka pada tahap keperluan yang lebih tinggi. Atas dasar tersebut, Alhamdulillah, universiti telah berjaya membantu pelajar melalui penawaran 104 peluang pekerjaan kepada mereka yang memerlukan, dan menghulurkan bantuan kepada 2810 orang pelajar dalam usaha memastikan mereka tidak ketinggalan dalam pelajaran disebabkan kekurangan sumber dan sebagainya.

Salah satu faktor yang menyumbang kepada kesejahteraan pelajar dan juga warga universiti yang lain ialah infrastruktur yang mantap yang membantu dalam pelaksanaan tugasan dan operasi harian. Pada tahun 2020, kita telah melihat beberapa penambahbaikan yang ketara. Untuk infrastruktur ICT, antaranya kita telah menaik taraf capaian talian internet berkelajuan lebar jalur 10Gbps dan capaian *point-to-point* Kubang Gajah berkelajuan lebar jalur 1Gbps dengan kos yang lebih murah tetapi berkelajuan 5 kali ganda daripada sedia ada. Selain itu, kita telah melaksanakan migrasi emel staf dan pelajar ke *GMail* melibatkan 15,000 akaun *Gmail* secara percuma dengan storan tanpa had untuk *Gmail* dan *Google Drive*. Semua aplikasi Google diberikan juga secara percuma, satu kemudahan yang amat membantu dalam persekitaran pandemik yang sedang kita lalui sekarang.

Migrasi server dan pangkalan data ke Cloud@MAMPU Pusat Data Sektor Awam (PDSA) juga telah dilaksanakan yang akan memberi penjimatan yang besar kepada UniMAP untuk jangka panjang memandangkan lesen Oracle dan perkakasan *server* dan penyelenggaraan adalah disediakan secara percuma. Untuk peningkatan akses internet, pihak Pengurusan dan Pembangunan Digital (DMDC) telah mengusahakan pemasangan 100 *access point* baharu UniMAP iaitu di Asrama UniCiti, Asrama Pauh Putra (BUMITA), beberapa bangunan di Kampus Tetap, dan juga beberapa lokasi kampus teragih.

Sementara itu, sebanyak 18 sistem aplikasi baharu telah dibangunkan oleh DMDC pada tahun 2020, dan sesetengahnya akan terus dimantapkan pada tahun ini. Antara aplikasi tersebut ialah Sistem Kehadiran berasaskan *Geo-Location*, *Sistem UniSmartCert (Blockchain)*, sistem *UniSIS*, sistem deklarasi kesihatan, sistem ePay UniMAP dan sistem pengurusan surat keluar masuk, *FRIS*. Kita juga tentu telah melihat laman web UniMAP yang baharu yang telah dinaik taraf supaya lebih menarik dan interaktif, dan antara muka baharu yang lebih mesra dan responsif terhadap semua peranti mudah alih.

Agenda kelestarian semakin penting masa kini, sama ada dari segi kelestarian tenaga dan persekitaran, mahupun kelestarian kewangan. Dalam hal ini, berbanding kegunaan elektrik tahun 2019, tahun 2020 melihat penjimatan keseluruhan sebanyak 31.8 peratus iaitu perbezaan sebanyak RM3.8juta, satu pengurangan penggunaan yang amat ketara terutama bagi separuh tahun kedua 2020. Pengurangan ini adalah hasil langkah penjimatan tenaga elektrik di semua bangunan di kampus Pauh Putra seperti pemasangan sensor lampu dan penggunaan lampu LED. Tidak dapat dinafikan, pengurangan ini juga terkait dengan tempoh PKP dan BDR, PKPB dan PKPP, iaitu kesan pengurangan ketara dilihat pada suku kedua tahun 2020.

Selain penjimatan yang disebutkan, universiti juga meletakkan sasaran untuk peningkatan endowmen dan wakaf untuk tujuan kemakmuran universiti. Walau bagaimanapun, kita hanya mencapai 26.5 peratus daripada KPI yang disasarkan bagi tujuan ini. Sememangnya, agenda ini memang sesuatu yang mencabar walaupun dalam keadaan biasa, apatah lagi dalam keadaan pandemik ini. InsyaAllah kita akan meneruskan usaha untuk tujuan ini.

Pun begitu, kita menyaksikan pencapaian yang memberangsangkan dalam usaha mencapai kewangan yang mampan melalui pelaburan dan kutipan. Pulangan pelaburan tahun 2020 telah meningkat kepada RM8.6juta sementara nilai kutipan yang tertunggak mencecah RM12.9juta. UniMAP juga telah berjaya menjana pendapatan sendiri sebanyak 15.7 peratus daripada jumlah perbelanjaan mengurus melalui aktiviti berasaskan kepakaran penyelidikan dan perundingan.

Selain itu, UniMAP telah menerima dana keusahawanan sebanyak RM329,350.00. Melalui dana tersebut, sebanyak 10 program telah dianjurkan pada tahun 2020 yang melibatkan pembabitan 1182 orang pelajar. Antara program yang dianjurkan ialah *Developing Aquapreneurs among Students and Community*, projek *Creating Agropreneurs among HEI Students and Community* untuk melahirkan usahawanan Cendawan Tiram Kelabu; *Social innovation for Poverty Eradication @ MYHE (Aquapreneurs)* dan *From Engineer to Entrepreneur* – Program X-Plorasi Usahawan.

Secara keseluruhannya, segala usaha dan sumbangan warga UniMAP supaya universiti ini terus cemerlang dan gemilang dapat digambarkan melalui kejayaan UniMAP berdasarkan piawaian antarabangsa. UniMAP kini berada pada kedudukan 801-1000 keseluruhan dalam QS World University Rankings (World University Ranking) Edisi 2021 manakala bagi QS Asia Rankings Edisi 2021, UniMAP berada pada kedudukan 207, iaitu kedudukan 31 peratus tertinggi di Asia. Bagi QS WUR untuk kategori *Engineering – Electrical & Electronic* pula, UniMAP berada pada kedudukan 451-500 dunia.

Bagi sistem penarafan Times Higher Education (THE), UniMAP tersenarai pada tangga 1001+ dalam *THE World University Rankings* Edisi 2021, Kejayaan ini juga meletakkan UniMAP pada kedudukan ke-10 di Malaysia. Bagi subjek *Engineering and Technology* untuk THE, UniMAP berada pada kedudukan 801-1000, manakala bagi subjek *Physical Sciences*, UniMAP berjaya menduduki kedudukan 601-800 dunia.

Bagi agenda kelestarian kampus, UniMAP menunjukkan peningkatan skor dalam *UI Green Metric Index*, iaitu 5750 pada tahun 2020 berbanding 5075 pada 2019, menggambarkan usaha kita yang terus dimantapkan untuk menyumbang kepada persekitaran lestari. Sumbangan UniMAP kepada SDG pula dilihat melalui pencapaian universiti dalam *THE Impact Rankings* yang meletakkan UniMAP pada kedudukan 601 universiti di dunia.

   : Program mobiliti staf dan pelajar

SURAT HASRAT (LoI) 2020

1.	Universiti/Institusi	:	Islamic Private School Association Satun Thailand
	Tarikh	:	10/01/2020
	Tempoh	:	10/01/2020-10/01/2025
	Skop	:	Akademik dan Penyelidikan
	Deskripsi	:	Perkongsian kepakaran dalam bidang akademik dan penyelidikan
		:	Program mobiliti staf dan pelajar

MoU/MoA/LoI MENGIKUT NEGARA 2020



MoA
1. Daffodil International University Bangladesh



MoA
1. Informatics And Business Institute Darmajaya Indonesia

MoU
1. Polytechnic Technology Of Chemical Industry Medan Indonesia Universitas Syiah Kuala Indonesia



LoI
1. Islamic Private School Association Satun, Thailand



MoU
1. Virginia Polytechnic Institute and State University USA

BAB 13

KEUSAHAWANAN, JARINGAN INDUSTRI & MASYARAKAT



LAPORAN KEBOLEHPASARAN GRADUAN

KARNIVAL KERJAYA "NORTHERN INDUSTRIAL CAREER ENGAGEMENT" (e-NICE5)


e-NICE5 telah diadakan pada 5 hingga 15 Mei 2020 secara dalam talian sepenuhnya. Pelaksanaan program ini telah disesuaikan dengan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bagi membendung wabak COVID-19. Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan alam pekerjaan kepada semua pelajar tahun akhir dan pelajar yang akan menjalani Latihan Industri. Program ini dianjurkan oleh Pusat Keusahawanan, Jaringan Industri & Masyarakat (CEICnet), Pusat Pembangunan & Perkhidmatan Pelajar (P3P), Pusat Pengurusan & Pembangunan Digital (DMDC) UniMAP dengan kerjasama pihak Talentbank telah berjaya menarik penyertaan lebih 50 syarikat dan agensi kerajaan dari pelbagai sektor industri.

Program e-NICE5 disiarkan secara langsung dalam Facebook rasmi UniMAP pada 5 Mei 2020. Sesi 'Career Talk' e-NICE 5 pula melibatkan tujuh (7) industri, iaitu LinkedIn, Unilever, Top Glove, Intel, B.Braun, Keysight dan Malayan Flour Mills seperti berikut:


BIL.	TARIKH	MASA	SYARIKAT	NAMA PENCERAMAH	TAJUK CERAMAH	JUMLAH PESERTA
1.	5 Mei 2020	11.00 pagi - 12.00 tengah hari	LinkedIn	Mr. Koh Mui Han	5 Critical LinkedIn Personal Branding Strategies Undergraduates/ Fresh Graduates need to be doing TODAY!	438
2.	8 Mei 2020	2.00 - 3.30 petang	Unilever	Aiqa Arbila	Are You The Next Generation of Purpose-Driven?	589
3.	11 Mei 2020	2.00 - 3.30 petang	Top Glove	En. Nicholas Yong dan En. Amirul Ariff, Jurutera M&E (Alumni 2018)	Top Glove Sharing Session	386
4.	12 Mei 2020	2.00 - 3.30 petang	B. Braun	En. Mohamad bin Abd Hamid	B.Braun At A Glance Sharing Session	172
5.	13 Mei 2020	2.00 - 3.30 petang	Intel	Alex Goon	Is your resume & interview method good enough?	494
6.	14 Mei 2020	2.00 - 3.30 petang	Keysight Technologies	Goh Wui Loong	Future of Mobility - Autonomous Driving	466
7.	15 Mei 2020	2.00 - 3.30 petang	Malayan Flour Mills	Samuel Lum & May Lim	Engineering Careers with MFM	340
JUMLAH PESERTA						2885



Naib Canselor UniMAP, Prof Ir. Ts. Dr. R Badlishah Ahmad bersama Penolong Naib Canselor, CEICnet, Prof. Emeritus Dato' Wira Dr. Mohd Salleh Hj. Din dan Ketua Bahagian Kerjaya dan Keusahawanan, Prof. Madya Dr. Shafriza Nisha Basah





'Virtual Opening Ceremony e-NICE5'




Perasmian e-NICE5 oleh Naib Canselor UniMAP









Career Talk dari Top Glove



Career Talk dari Intel



Career Talk dari Keysight Technologies Malaysia





Career Talk dari Malayan Flour Mills


PROGRAM INTERVENSI KEBOLEHPASARAN GRADUAN TAHUN 2020


Program Intervensi Kebolehpasaran Graduan adalah bertujuan untuk meningkatkan kemahiran graduan yang mempunyai pencapaian akademik yang sederhana (CGPA di bawah 3.00) supaya membolehkan mereka mendapat pekerjaan yang sesuai. Bagi tahun 2020, tiga (3) program Intervensi Kebolehpasaran Graduan peringkat UniMAP telah diluluskan dengan pembiayaan dari KPT, iaitu:

NAMA PROGRAM	INSTRUMENTATION AND PROCESS CONTROL FOR THE OIL AND GAS INDUSTRY
Fakulti	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia
Penyedia Perkhidmatan	Technopreneur at UniMAP Sdn. Bhd. (TUSB) Dream Catcher Consulting Sdn. Bhd.
Tarikh	12 - 15 Oktober 2020
Masa	9.00 pagi - 12.30 tengah hari
Tempat	Dalam talian (zoom)
Peserta	25 pelajar
Perincian Program	Kursus ini memberikan pemahaman asas tentang peralatan dan kawalan proses sistem dan peralatan yang biasanya digunakan dalam pengeluaran minyak dan gas, kilang penapisan, dan loji petrokimia. Kursus ini direka bentuk untuk instrumen, kawalan proses, dan jurutera automasi. Ia meliputi prinsip dan elemen kawalan proses, penggerak dan pengukuran dan juga memperkenalkan peserta kepada sistem kawalan teragih dan SCADA, dan bagaimana ia digunakan dalam industri minyak, gas dan petrokimia. Peserta juga mempelajari prinsip dan pelaksanaan keselamatan loji, proses instrumentasi dan sistem keselamatan. Kursus ini juga meliputi peralatan tipikal dan penyelenggaraan gelung kawalan, penentukuran, dan contoh pembaikan peralatan. Reka bentuk, spesifikasi dan contoh lapangan digunakan untuk meningkatkan pengalaman pembelajaran peserta supaya mereka dapat memahami dan menyelesaikan masalah instrumentasi dan sistem kawalan yang lebih baik.













NAMA PROGRAM	ELECTRICAL INSTALLATION DESIGN BASED ON MALAYSIA PRACTICES AND ENERGY MANAGEMENT AND AUDIT
Fakulti	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik
Penyedia Perkhidmatan	Technopreneur at UniMAP Sdn. Bhd. (TUSB)
Tarikh	23 - 27 November 2020
Masa	8.15 pagi - 5.15 petang
Tempat	Dalam talian (Google Meet)
Peserta	60 pelajar
Perincian Program	Program *"Electrical Installation Design Based on Malaysian Practices and Energy Management & Audit"* adalah kursus yang direka khas menggabungkan aspek teori dan amali (hands-on) berasaskan projek sebenar. Tujuan program ini ditawarkan ialah untuk memberi pendedahan dan pengukuhan prinsip-prinsip rekabentuk pemasangan elektrik mengikut standard yang telah ditetapkan serta cara pengurusan tenaga yang efektif. Struktur kursus ini telah disusun sedemikian rupa agar dapat melengkapkan bakal-bakal graduan sebagai seorang jurutera elektrik yang berkemahiran tinggi dan dapat mengaplikasi amalan kejuruteraan elektrik moden mengikut piawaian rekabentuk semasa dan standard yang ditetapkan. Peserta kursus ini telah diberi tugas dengan melaksanakan satu kajian kes yang berdasarkan konteks dan keadaan sebenar di dalam dunia rekabentuk pemasangan elektrik mengikut praktis di Malaysia. Untuk program Energy Management & Audit, program ini mendedahkan mengenai pengurusan tenaga yang cekap. Program ini menekankan dengan strategi secara keseluruhan dan praktikal mengenai pelaksanaan yang berkesan dalam sistem pengurusan tenaga terutamanya untuk pengguna tenaga yang besar. Peserta akan diberikan latihan untuk mempraktikkan laporan pengurusan tenaga yang cekap.










NAMA PROGRAM	CATIA V5 DESIGN TRAINING FUNDAMENTAL
Fakulti	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal
Penyedia Perkhidmatan	Technopreneur at UniMAP Sdn. Bhd. (TUSB)
Tarikh	19-23 Disember 2020 (Sesi 1)
Tempat	Makmal Pembuatan 6, FTKM A, UniMAP
Peserta	20 pelajar
Perincian Program	Seramai 20 pelajar dari program Ijazah Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah UniMAP yang belum mendapat pekerjaan telah terlibat dalam kursus tingkat kemahiran (Upskilling) anjuran TUSB dan Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (FTKM). Kursus Rekabentuk dengan CATIA ini dikendalikan oleh tenaga pengajar Feiran Technology Sdn Bhd yang merupakan pengajar bertauliah perisian CATIA (Dassault Systeme) di Malaysia. Kursus ini diharap dapat membantu kesiapsiagaan dan meningkatkan peluang graduan untuk memperoleh pekerjaan dalam bidang rekabentuk berbantu komputer, khususnya untuk perisian CATIA yang menjadi pilihan kebanyakan industri di Malaysia. Dalam kursus ini, pelajar telah mempelajari asas lakaran (drafting), penyambungan bahagian (part assembly) dan juga 3D. Pelajar juga didedahkan dengan teknik memuka (surface) dan *3D modelling*. Di akhir program, graduan diberikan sijil penyertaan dan diterangkan mengenai cara-cara mengikuti kursus persediaan tujuan persijilan profesional. Dalam masa yang sama, TUSB berperanan menyalurkan butiran peserta kursus ini kepada industri-industri yang berminat untuk mengambil pekerja yang mempunyai asas perisian CATIA.






AKTIVITI HUBUNGAN INDUSTRI

MAJLIS PERASMIAN PROGRAM CEO@FACULTY 1.0 BERSAMA INFINEON DAN FORUM "OPPORTUNITIES IN ENGINEERING FIELD"

Program CEO@Faculty bersama Director of Technology (M) Sdn. Bhd., Mr. Tan Soon Keong telah diadakan pada 25 Februari 2020 bertempat di Dewan Kecemerlangan, UniMAP. Program ini telah melibatkan pelajar tahun 1, tahun 2 dan tahun akhir dari program teknologi kejuruteraan serta staf akademik. Antara tetamu yang hadir ialah Prof. Ts. Dr. Uda Hashim (Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Madya Ts. Dr. Shafriza Nisha Basah (Pengarah CIGC) dan En. Aliffy Khairul Fizam bin Abdul Adzis (wakil KPM).





MAJLIS MENANDATANGANI MoU UniMAP BERSAMA ALCON MALAYSIA JOHOR BAHRU


Lawatan dan Majlis Menandatangani MoU UniMAP bersama Alcon Malaysia Johor Bahru telah diadakan pada 21 September 2020. Turut diadakan ialah sesi perbincangan projek-projek kerjasama antara kedua-dua pihak. Majlis dihadiri oleh Naib Canselor UniMAP, Y Bhg. Prof. Ir. Ts. Dr. R Badlishah Ahmad dan Pengurus Besar Alcon Malaysia, Dr. James J. Govindasamy.





MESYUARAT SESI LIBAT URUS BAHAGIAN KOLABORASI INDUSTRI DAN MASYARAKAT (BKIM) BERSAMA PENGARAH BAHAGIAN HUBUNGAN INDUSTRI UNIVERSITI AWAM

Mesyuarat sesi libat urus BKIM bersama pengarah bahagian hubungan industri awam telah diadakan secara dalam talian pada 23 Disember 2020. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh Penolong Naib Canselor Pusat Keusahawanan, Jaringan Industri dan Masyarakat (CEICnet), Prof. Emeritus Dato' Wira Dr. Mohd. Salleh Hj. Din serta Ketua-ketua Bahagian CEICnet. Agenda mesyuarat yang telah dibincangkan adalah termasuk status pelaksanaan Program CEO@Faculty, cadangan CEO@Faculty bagi tahun 2021-2022 serta perkongsian program kolaborasi universiti dan industri.





MEMORANDUM PERJANJIAN (MoA)

BIL.	NAMA INDUSTRI	FAKULTI	*DATE OF SIGNING /STARTING DATE/ DURATION*	*END OF DATE (IF ANY)*	DESKRIPSI
PENYELIDIKAN & INOVASI					
1.	Selangor Industrial Corporation Sdn. Bhd.	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektronik	28/10/2020	28/10/2022	• 17 paper SCOPUS • 1 pendaftaran harta intelek • 1 laporan teknikal dengan pendaftaran ISBN • Smart city in a box
2.	Selangor Industrial Corporation Sdn. Bhd.	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal	28/10/2020	28/10/2022	• 3 paper SCOPUS • 1 Patent Filed (Smart Tracker Algorithm) • Smart Player Tracker
3.	Selangor Industrial Corporation Sdn. Bhd.	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektronik	28/10/2020	28/10/2022	• 3 paper SCOPUS • 1 Industrial Design untuk Retrofit Streetlight IoT Controller • 1 Copyright untuk Highly Scalable Connected Streetlight Dashboard • 1 Trademark untuk nama produk • Smart Street Light System
4.	Solace Synergy Sdn. Bhd.	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik	28/10/2020	28/10/2022	• 5 paper SCOPUS • 1 Industrial Design untuk Smart Sensing Element • 1 Copyright untuk Admin Dashboard • 1 laporan teknikal dengan pendaftaran ISBN
5.	MNF (M) Service Sdn. Bhd.	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektronik	13/10/2020	13/10/2022	• 2 paper SCOPUS • 1 Copyright bagi reka bentuk yang dihasilkan • 1 laporan teknikal yang diterbitkan ISBN • RF base station locator and analyser
6.	Aerospace Composites Malaysia (ACM) Sdn. Bhd.	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal	23/9/2020	23/9/2022	• 14 kertas penyelidikan dalam penerbitan terindeks SCOPUS • 1 Harta Intelek • 1 laporan teknikal yang diterbitkan ISBN • 1 (Aircraft composite Painting robot and workspace) - Prototaip
7.	USM	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik	14/10/2020	14/10/2022	• 6 paper SCOPUS • 2 Pelajar Pascasiswazah (Phd & M.Sc)
8.	FILPAL (M) Sdn. Bhd.	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektronik	23/12/2019	23/12/2021	• 2 paper SCOPUS • 1 Harta Intelek - Copyright "Hardware Dielectric Measurement Kits" • Fabricated prototype probe sensor and on going test/ measurement

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

BIL.	NAMA INDUSTRI	FAKULTI	*DATE OF SIGNING /STARTING DATE/ DURATION*	*END OF DATE (IF ANY)*	DESKRIPSI
9.	Aftana Sdn. Bhd.	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektronik	9/3/2020	9/3/2022	• 1 Industrial Design for IoT Design • 2 paper SCOPUS • Product IoT system for greenhouse monitoring
10.	Usaha Fadzilat (M) Sdn. Bhd.	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektronik	30/12/2019	30/12/2021	• 1 Harta Intelek • 2 paper SCOPUS • Portable fault detection system
11.	Eila (M) Sdn. Bhd.	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektronik	30/9/2020	30/9/2022	• 1 Harta Intelek • 3 paper SCOPUS • A free space material measurement system
12.	UIAM, UUM, UTAR	Fakulti Sains Gunaan & Kemanusiaan	22/12/2020	22/12/2022	• 1 paper SCOPUS
13.	Tanjung Advance Sdn. Bhd.	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal	9/6/2020	9/6/2022	• 1 Harta Intelek • 2 paper SCOPUS
14.	Edgneta Mediserve Sdn. Bhd.	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik	155/12/2020	14/12/2022	• 7 paper SCOPUS • 1 Industrial Design untuk Smart Tracker Algorithm • 1 copyright untuk Admin Dashboard • 1 laporan teknikal dengan pendaftaran ISBN
15.	UTM, UNITEM, USM	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal	2/3/2020	1/3/2022	• 1 pelajar pascasiswazah didaftar di UniMAP • 1 paper SCOPUS
16.	UTM, UMT, UMP	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Awam	2/3/2020	1/3/2022	• 1 pelajar pascasiswazah didaftar di UniMAP • 1 paper SCOPUS
17.	UTM, UMK, UMP	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia	2/3/2020	1/3/2022	• 1 pelajar pascasiswazah didaftar di UniMAP • 1 paper SCOPUS
18.	UTM, UTHM, UTeM	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik	1/11/2019	31/10/2021	• 1 pelajar pascasiswazah didaftar di UniMAP • 1 paper SCOPUS
19.	UTM, UTHM, UTeM	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektronik	2/3/2020	1/3/2022	• 1 pelajar pascasiswazah didaftar di UniMAP • 1 paper SCOPUS
20.	UTM, UiTM, UMP	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Awam	1/11/2019	31/10/2021	• 1 pelajar pascasiswazah didaftar di UniMAP • 1 paper SCOPUS

BIL.	NAMA INDUSTRI	FAKULTI	*DATE OF SIGNING /STARTING DATE/ DURATION*	*END OF DATE (IF ANY)*	DESKRIPSI
21.	UTM, UiTM, UMP	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal	1/11/2019	31/10/2021	• 1 pelajar pascasiswazah didaftar di UniMAP • 1 paper SCOPUS
22.	UTM, UNITEN, UMP	Fakulti Sains Gunaan & Kemanusiaan	2/3/2020	1/3/2022	• 1 pelajar pascasiswazah didaftar di UniMAP • 1 paper SCOPUS
23.	UTM	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektronik	1/1/2021	21/12/2022	• 4 penerbitan ISI
24.	Huawei Technologies (Malaysia) Sdn. Bhd.	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektronik	15/11/2019	15/11/2021	Huawei Certified ICT Academy for Huawei Certified ICT Associates (HCIA)

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU)

BIL.	NAMA INDUSTRI	FAKULTI	*DATE OF SIGNING /STARTING DATE/ DURATION*	*END OF DATE (IF ANY)*	DESKRIPSI
PENYELIDIKAN & INOVASI					
1.	Free The Seed Sdn. Bhd.	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia	27/10/2020	27/10/2023	• 1 Industrial Research Grant • 1 paper SCOPUS
2.	Toclan Agritrade Asia Sdn. Bhd.	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik	1/10/2020	30/9/2022	• 3 paper SCOPUS • 4 pelajar Industri • 4 orang staf untuk program sangkutan staf bersama industri • 1 Permohonan Geran Bersama (Geran MESTECC Research & Development Fund)
3.	Next Level Technologies Sdn. Bhd.	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektronik	1/9/2020	31/8/2022	• 2 paper SCOPUS • 1 penganjuran persidangan bersama • 2 orang staf untuk program sangkutan staf bersama industri
4.	Heriot - Watt University	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektronik	1/10/2020	30/9/2022	• 2 paper SCOPUS • 1 permohonan Geran Bersama (Geran MESTECC Research & Development Fund)


BIL.	NAMA INDUSTRI	FAKULTI	*DATE OF SIGNING /STARTING DATE/ DURATION*	*END OF DATE (IF ANY)*	DESKRIPSI
AKADEMIK & ANTARABANGSA					
5.	Keysight Technologies Malaysia Sdn. Bhd.	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal	9/2/2019	8/2/2020	Penawaran Keysight Rf Microwave Programme. Penyediaan Tempat Latihan Industri Keysight. Donate, Complete with Setting Up, And Deliver Technical Startup Assist On Lab Management Solution for UniMAP Keysight, Tekmark Rf and Microwave Laboratory, With About Total Investment of US$10,000.
6.	CIBA VISION Johor Sdn. Bhd. (Alcon)	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektronik	21/9/2020	20/9/2025	Currently, there is a continuous potential project virtual meeting with Ciba Vision Johor Sdn. Bhd. bi-weekly. One FYP student working on a related project with Alcon.Currently one new MSc student is getting her offer letter to be registered by March 2021, the project is collaboration with Alcon and will appoint one field supervisor from their side as well.Alcon had agreed to send us industrial grade camera system set and contact lens sample for research and FYP (academic) purposes. There are on dismantle and packing at their side.
HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI					
7.	Malaysia Digital Economy Corporation Sdn. Bhd. (MDEC)	HEPA/CIGC	1 Tahun		MDEC and UniMAP bersetuju untuk bekerjasama di dalam projek 'freelancing' pelajar, yang menyasarkan kepada para pelajar yang berminat bekerja secara 'freelance' apabila tamat pengajian untuk meningkatkan kebolehpasaran siswazah dan kesediaan pelajar untuk bekerja.
8.	Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)	HEPA	8/8/2020	8/8/2022	BIMB dan UniMAP bekerjasama dalam pelaksanaan Kad UniDEBIT/ Matrik pelajar serta kad staf.

BIL.	NAMA INDUSTRI	FAKULTI	*DATE OF SIGNING /STARTING DATE/ DURATION*	*END OF DATE (IF ANY)*	DESKRIPSI
9.	Lembaga Jurutera Malaysia (BEM)	Pusat Pengurusan Strategi & Kualiti	5 Tahun		Cadangan kerjasama untuk mempermudah dan memperkemaskan proses kerja berkaitan.
10.	Prosple Pty Ltd (Abn 43168218782) Dan Careertour Integrated (M) Sdn. Bhd. (1025802h) [Talentbank]	CEICnet	3 Tahun	Meningkatkan kebolehpasaran pelajar UniMAP menerusi latihan dan khidmat nasihat.	

PROGRAM KEUSAHAWANAN

14 Program Keusahawanan telah dilaksanakan pada tahun 2020. 11 program bertujuan untuk memberi pendedahan keusahawanan kepada pelajar (melibatkan 1,183 pelajar) dengan kerjasama dari pelbagai agensi swasta antaranya Celcom, Image Creator Sdn. Bhd., Joe Sidek Production Sdn. Bhd. dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia, manakala tiga (3) program lagi bertujuan untuk menghasilkan usahawan dan mentor usahawan dalam kalangan pelajar (melibatkan 170 pelajar) dengan dana keusahawanan dari pihak KPT. Berikut adalah program yang dilaksanakan:

1. TAKLIMAT PENDAFTARAN PERNIAGAAN OLEH SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM)
   Tarikh : 8 Mac 2020
   Tempat : Dewan Ilmu, UniMAP
   Bil. Peserta : 438 pelajar
   Objektif : Memberi pendedahan berkenaan pendaftaran, jenis-jenis pemilikan dan peraturan-peraturan yang berkaitan perniagaan





2. BOOT CAMP PROGRAM PEMBANGUNAN USAHAWAN PELAJAR ASNAF IPTA WILAYAH UTARA (FASA 2)
   Tarikh : 5 hingga 7 Mac 2020
   Tempat : Universiti Utara Malaysia (UUM)
   Bil. Peserta : 7 pelajar
   Objektif : Melahirkan bakal-bakal usahawan dalam kalangan pelajar asnaf IPT dan juga menjana idea-idea perniagaan yang lebih kompetitif dan berdaya maju





3. **FROM ENGINEER TO ENTREPRENEUR - PROGRAM X-PLORASI USAHAWAN (EN. ZAHARI GHANI - PEMILIK WARUNG TRANUNG KITE) PROGRAM DENGAN KERJASAMA PPK KOMPUTER & PERHUBUNGAN**

Tarikh : 10 Ogos 2020
Tempat : Dalam talian (Google Meet)
Bil. Peserta : 97 pelajar
Objektif : Program merangkumi Latihan Keusahawanan, Pinjaman Mikrokredit dan Pembekalan Logistik



4. **DEVELOPING A CREATIVE & ADAPTIVE MINDSET TO LEAD IN TIMES OF UNCERTAINTY AND VOLATILITY - PROGRAM X-PLORASI USAHAWAN (JOE SIDEK - EXECUTIVE DIRECTOR, JOE SIDEK PRODUCTION SDN. BHD. & FESTIVAL DIRECTOR, GEORGE TOWN FESTIVAL 2010 - 2018)**

Tarikh : 10 Ogos 2020
Tempat : Dalam talian (Google Meet)
Bil. Peserta : 90 pelajar
Objektif : Meningkatkan tahap keusahawanan pelajar untuk mengembangkan perniagaan mereka melalui kepimpinan keusahawanan dalam konteks perniagaan di kampus



5. **DEVELOPING YOUR PERSONAL BRAND TO STAND OUT AND CREATE AN IMPACT ON OTHERS - PROGRAM X-PLORASI USAHAWAN (DR. WENDY LIEW - DIRECTOR AND FOUNDER, THE IMAGE CREATOR SDN. BHD.)**

Tarikh : 12 Ogos 2020
Tempat : Dalam talian (Google Meet)
Bil. Peserta : 85 pelajar
Objektif : Membantu dalam merangka program-program keusahawanan yang boleh meningkatkan daya saing, kelangsungan dan tarikan untuk pelajar menjalankan keusahawanan di kampus



6. **ENTREPRENEURSHIP CHALLENGES AND OPPORTUNITIES IN THE NEW POST COVID NORMAL - PROGRAM X-PLORASI USAHAWAN (PROFESSOR. INDERJIT SINGH - ADJUNCT PROFESSOR, NANYANG TECHNOLOGICAL UNIVERSITY & FORMER MEMBER OF SINGAPORE PARLIAMENT)**

Tarikh : 14 Ogos 2020
Tempat : Dalam talian (Google Meet)
Bil. Peserta : 80 pelajar
Objektif : Mencabar dan menimbulkan galakan pelajar untuk memberi idea-idea baharu dalam bidang keusahawanan



7. **IMPROVING CUSTOMER EXPERIENCE THROUGH CUSTOMER FOCUS AND DIGITAL AGILITY - PROGRAM X-PLORASI USAHAWAN (DATO' MUNIRAH LOOI - FOUNDER AND CEO BRANDT INTERNATIONAL)**

Tarikh : 17 Ogos 2020
Tempat : Dalam talian (Google Meet)
Bil. Peserta : 60 pelajar
Objektif : Memberi tunjuk ajar dan pendedahan kepada pelajar cara menulis kertas kerja yang berkesan dan berimpak



8. DEVELOPING AND EMBRACING A GROWTH MINDSET AS A PERSONAL LEADERSHIP PHILOSOPHY - PROGRAM X-PLORASI USAHAWAN (PAULINE WONG - AWARD-WINNING MALAYSIAN JOURNALIST AND CHEVENING SCHOLAR)

Tarikh : 19 Ogos 2020
Tempat : Dalam talian (Google Meet)
Bil. Peserta : 50 pelajar
Objektif : Meningkatkan tahap keusahawanan pelajar untuk mengembangkan perniagaan mereka melalui kepimpinan keusahawanan dalam konteks perniagaan di kampus



9. DEVELOPING YOUR ENTREPRENEURIAL QUOTIENT THROUGH COACHING AND MENTORING - PROGRAM X-PLORASI USAHAWAN (ISRAEL PONS - CO-FOUNDER AND CEO ANGELS NEST LATAM, FOUNDER PITCH AT THE BEACH GLOBAL COMPETITION)

Tarikh : 21 Ogos 2020
Tempat : Dalam talian (Google Meet)
Bil. Peserta : 50 pelajar
Objektif : Menggalakkan pelajar meneruskan perniagaan yang telah diwujudkan di samping membentuk mereka berminda keusahawanan



10. CREATING AGILE START-UPS THAT CAN LAUNCH FAST AND SCALE FAST - PROGRAM X-PLORASI USAHAWAN (JOHN YOON - FOUNDER AND CEO SEOULZ)

Tarikh : 24 Ogos 2020
Tempat : Dalam talian (Google Meet)
Bil. Peserta : 55 pelajar
Objektif : Membantu mereka mengenal pasti dan memanfaatkan perniagaan serta kekuatan perniagaan untuk lebih berdaya saing dan berimpak



11. CELCOM SISWAPRENEUR @ GOOGLE BOOTCAMP 2020

Tarikh : 21 Oktober 2020
Tempat : Dalam talian (Google Meet)
Bil. Peserta : 171 pelajar
Objektif : Persediaan mengambil sijil G Suite dan memberi kemahiran kepada pelajar berkenaan keusahawanan dan meningkatkan kebolehpasaran kerja dalam kalangan pelajar



12. CREATING AGROPRENEURS AMONG HEI STUDENTS AND COMMUNITY - USAHAWAN CENDAWAN TIRAM KELABU


Tarikh : 26 Oktober 2020
Tempat : Dalam talian (Google Meet) dan bersemuka di Kampus UniCITI Alam
Bil. Peserta : 62 pelajar
Objektif : Melahirkan dan melengkapkan peserta (pelajar dari keluarga B40) untuk menjadi usahawan tani graduan dan mentor muda yang berjaya dalam bidang agro pertanian - penanaman Cendawan Tiram Kelabu dan inovasi berkaitan






13. DEVELOPING AQUAPRENEURS AMONG STUDENTS AND COMMUNITY (IKAN JADE PERCH & IKAN KELAH)

Tarikh : 28 Oktober 2020
Tempat : Dalam talian (Google Meet) dan bersemuka di INSAT
Bil. Peserta : 63 pelajar
Objektif : Melahirkan usahawan graduan serta mentor yang muda dan berjaya dalam bidang perikanan akuakultur Jade Perch dan Ikan Kelah





14. PROGRAM 'SOCIAL INNOVATION FOR POVERTY ERADICATION @ MYHE'

Tarikh : 28 Oktober 2020
Tempat : Dalam talian (Google Meet) dan bersemuka di INSAT
Bil. Peserta : 45 pelajar
Objektif : Melahirkan usahawan graduan serta mentor yang muda dan berjaya dalam bidang perikanan akuakultur Ikan Kelah





BAB 14

TANGGUNGJAWAB SOSIAL UniMAP (USR)



TANGGUNGJAWAB SOSIAL UniMAP 2020

Tanggungjawab Sosial Universiti (USR), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) kepada komuniti melalui penganjuran program-program yang telah dilaksanakan di sepanjang tahun 2020 dengan elemen *Knowledge Transfer Programme* (KTP). KTP adalah merujuk kepada aktiviti pemindahan ilmu (pengetahuan atau kemahiran) dari universiti kepada pihak komuniti bagi membantu pembangunan dan pengupayaan komuniti, seterusnya komuniti menerima manfaat sepenuhnya dan mampu untuk melaksanakan program/projek tersebut secara berterusan.

Sehubungan dengan itu, program atau aktiviti USR yang telah diadakan dapat mempertingkatkan kesejahteraan komuniti melalui penglibatan warga UniMAP.

RONALD MCDONALD HOUSE CHARITIES (RMHC) SENSORY ROOM

Pada bulan Januari sehingga Mac 2020, Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra (PTSFP) dengan kerjasama pihak RMHC, Pusat Kesihatan Universiti (PKU) dan Pusat Sukan UniMAP telah mengadakan program bersama anak-anak istimewa daripada komuniti sekitar negeri Perlis dan Wilayah Utara bertempat di RMHC Sensory Room, PTSFP, Kampus Alam UniMAP, Pauh Putra.

Program ini bertujuan meningkatkan keberkesanan terapi rangsangan deria yang berfungsi untuk menenangkan, merehatkan, meningkatkan minat dan penguasaan kemahiran kepada semua kanak-kanak autisme dan golongan yang mempunyai keperluan khas. Antara objektif program ini diadakan adalah seperti:

i. Menawarkan terapi *Snoezelen* melalui kaedah penerokaan dan berehat yang dikenal pasti bersesuaian dengan keperluan anak-anak autisme dan golongan yang mempunyai keperluan khas;
ii. meluaskan perkhidmatan *Autism Hub for Educational Resources and Training* (A-HEART) kepada komuniti yang memerlukan melalui penawaran Pusat Sensori di Kampus; dan
iii. memperkasa peranan A-HEART sebagai pusat latihan dan pembangunan anak-anak autisme di Perlis.





MICROCONTROLLER-BASED CLINICAL SAMPLES ARRIVAL ALERT SYSTEM

Pada 8 Januari - 28 Februari 2020 bertempat di Unit Patologi dan Transfusi, Hospital Kuala Nerang, Kedah dan pada 19 Februari sehingga 2 Julai 2020 bertempat di Unit Patologi, Hospital Yan, Kedah, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik (FTKE) UniMAP melalui Ir. Ts. Tunku Muhammad Nizar Tunku Mansur telah membangunkan *Microcontroller-based Clinical Samples Arrival Alert System* yang merupakan alat khas untuk memberi amaran kepada kakitangan Unit Patologi dan Transfusi, Hospital Kuala Nerang dan Unit Patologi, Hospital Yan, Kedah apabila sampel klinikal seperti darah dan air kencing tiba di makmal untuk ujian.


Kelebihan alatan ini adalah akan meningkatkan kecekapan sistem pengurusan sampel klinikal untuk mendapatkan hasil yang tepat dan tepat pada masanya. Selain itu, ia juga akan meningkatkan produktiviti kakitangan hospital seperti di Unit Patalogi dan Transfusi serta menjimatkan kos operasi tanpa menjejaskan kualiti.





Lawatan tapak ke Unit Patologi dan Transfusi, Hospital Kuala Nerang dan Unit Patologi, Hospital Yan, Kedah





Kerja-kerja pemasangan alatan "Microcontroller-based Clinical Samples Arrival Alert System"





Alatan "Microcontroller-based Clinical Samples Arrival Alert System" yang sedia untuk digunakan

BASIC ENGLISH LANGUAGE COURSE FOR ISLAMIC PRIVATE SCHOOL ASSOCIATION SATUN PROVINCE (BELSA) 4.0

Program BELSA 4.0 anjuran Pusat Bahasa Antarabangsa telah diadakan di Satun, Thailand pada 11-12 Januari 2020 dengan kerjasama Persatuan Sekolah Agama Swasta Wilayah Satun, Thailand untuk menjadikan UniMAP sebagai tenaga pengajar kepada para guru di bawah persatuan tersebut.

Dengan penyertaan para guru dari 12 buah Sekolah Agama Wilayah Satun, Thailand dalam Kursus Asas Bahasa Inggeris menjadikan keterlihatan UniMAP dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran kepada pelajar dari luar negara dan sekaligus mempromosikan UniMAP untuk melanjutkan pelajaran di masa akan datang.

Tenaga pengajar dari Pusat Bahasa Antarabangsa memberi pendedahan dan melatih para peserta tentang kepentingan Bahasa Inggeris dalam komunikasi serta teknik pengajaran berkesan dalam kelas. Di samping itu, para guru juga dapat meningkatkan kemahiran komunikasi dan pengetahuan dalam bidang bahasa.

Kesediaan para peserta dalam melengkapkan diri dengan bahasa kedua menjadi fokus utama UniMAP bagi pelaksanaan program ini. Selain itu, program ini mampu meningkatkan imej UniMAP sebagai agensi pendidikan yang mempunyai kepakaran dalam bidang bahasa serta meningkatkan kemahiran pengajaran luar kelas kepada tenaga pengajar CLS.





DIGITAL STORY TELLING FOR SPECIAL NEEDS 2020

Pada 15 Februari 2020, program *Digital Story Telling For Special Needs* 2020 telah diadakan khusus kepada ibu bapa anak-anak istimewa dan para guru dari sekolah pendidikan khas. Program ini anjuran Pusat Pengajian Kejuruteraan Pembuatan dengan kerjasama Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik dan Perlis Special Teens Centre (PeSTeC).

Objektif program ini diadakan adalah untuk berkongsi teknik penghasilan bahan penceritaan secara digital yang akan membantu kesukaran anak-anak istimewa untuk memahami isi kandungan penceritaan. Tenaga pengajar diberikan pemahaman untuk menggunakan IT dalam bahan bantu mengajar terutama kepada remaja-remaja istimewa melalui pengetahuan cara menghasilkan '*Digital Story Board*'.





PROGRAM PEMASARAN DIGITAL

Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan Teknokomunikasi (iKOM) di UniMAP telah mengadakan Program Pemasaran Digital bersama komuniti dalam kalangan usahawan kecil dan sederhana dalam kawasan Parlimen Arau. Program ini bermula pada bulan Februari sehingga Mei 2020 yang melibatkan 16 usahawan kecil dan sederhana dalam pelbagai jenis perniagaan dari Parlimen Arau dan sekitarnya. Penyertaan oleh 160 pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Media Baharu dari iKOM di mana setiap kumpulan mempunyai 10 pelajar bagi mewakili setiap usahawan yang terlibat. Setiap kumpulan ditugaskan untuk mengenal pasti usahawan yang berpotensi untuk terlibat dalam Projek USR Pemasaran Digital bagi membantu mereka dalam pelbagai aspek ilmu dan kemahiran pemasaran digital.

Pelajar diberi pendedahan ilmu dan kemahiran pemasaran digital dan teknik penggunaan media sosial sebagai platform pemasaran dalam talian. Proses pengajaran dan pembelajaran berterusan ini di antara pensyarah, pelajar dan usahawan akan meliputi pelbagai ilmu dan kemahiran. Antaranya mereka akan diajar untuk menghaslkan video promosi, mereka bentuk poster pemasaran digital, penghasilan imej digital fotografi, pemasaran e-mel, Search Engine Optimization (SEO), Social Media Marketing, Paid

Search Marketing, Mobile Marketing, WhatsApp link, Business Facebook Page, Instagram dan lain-lain. Usaha ini juga dapat menyediakan para graduan yang siaga industri selepas bergraduat dan bersedia dengan cabaran dunia pekerjaan sebenar.



Perbincangan kumpulan pelajar dengan pensyarah/penyelia kumpulan



Sesi temubual pelajar bersama usahawan/pemilik perniagaan





Sesi penggambaran produk untuk promosi di media sosial

PROGRAM LATIHAN GURU DAN IBU BAPA ANAK ISTIMEWA ZON UTARA 2020

Program Latihan Guru dan Ibu Bapa Anak Istimewa Zon Utara 2020 telah diadakan pada 7 & 8 Mac 2020 bertempat di Dewan Kuliah 1 & Dewan Kuliah 2, Kompleks Dewan Kuliah, Kampus Alam UniMAP, Pauh Putra merupakan penganjuran bersama Pusat Pengajian Kejuruteraan Pembuatan, PeSTeC dan GENIUS Kurnia.

Program ini memberi pendedahan dan pemahaman tentang kaedah-kaedah moden pengajaran dan pembelajaran kepada remaja-remaja Orang Kurang Upaya (OKU) yang mempunyai masalah pembelajaran. Penyertaan program ini mendapat sambutan sebanyak 80 orang peserta terdiri daripada ibu bapa, guru sekolah pendidikan khas dan juga pemilik sekolah khas swasta.





TEROWONG SANITASI MUDAH ALIH KEKANG COVID-19

Pada bulan 18 Mac 2020, Pusat Pengajian Diploma (PPD) telah membantu Hospital Pakar KPJ, Pulau Pinang untuk memasang Terowong Sanitasi Mudah Alih (*Mobile Sanitizing Tunnel*) yang merupakan keperluan kecemasan bagi mencegah penularan COVID-19 dengan menghilangkan virus atau bakteria yang melekat pada pakaian pesakit yang datang untuk mendapatkan rawatan. Pemasangan Terowong Sanitasi Mudah Alih adalah merupakan salah satu sumbangan bagi membantu barisan hadapan yang sedang melawan COVID-19. Terowong ini praktikal kerana ianya mudah alih dan boleh diletakkan di tempat-tempat yang berisiko.

Selain pemasangan di hospital, pihak PPD turut mendapat beberapa permintaan daripada syarikat perkilangan di sekitar Pulau Pinang, Kedah, Terengganu dan Kuala Lumpur untuk memasang Terowong Sanitasi Mudah Alih.






FUNCTION OF SCIENCE

Pusat Pengajian Kejuruteraan Bioproses bekerjasama dengan badan-badan korporat berkongsi kepakaran untuk memformulasi bahan kimia *hand sanitizer* yang berkesan dalam membasmi kuman/virus COVID-19 serta membantu usaha kerajaan, kakitangan hospital/kesihatan dan masyarakat setempat untuk mendapatkan bekalan *hand sanitizer* bagi mengekang penularan wabak COVID-19 melalui:

i. Memformulasi bahan kimia *hand sanitizer* yang ringkas dan berpatutan;
ii. membotolkan bahan kimia *hand sanitizer* yang disumbangkan oleh badan-badan korporat; dan
iii. mengagihkan botol *hand sanitizer* kepada pekerja *frontliners*, pekerja dan masyarakat awam.




MESIN DISINFEKSI NYAH KUMAN

Penyelidik Pusat Kecemerlangan Penyelidikan dan Teknologi Sukan Permotoran (MoTECH) Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) telah menghasilkan mesin disinfeksi untuk proses nyah kuman di bangunan. Menurut Naib Canselor UniMAP, projek tersebut dimulakan awal April 2020 dan penyelidikan tersebut dihasilkan susulan permintaan Jabatan Bomba dan Penyelamat Perlis yang mencari solusi penggunaan alat manual bagi proses tersebut.

Program disinfeksi awam oleh anggota Bomba dan Penyelamat sebelum ini mengambil masa yang lama dan menggunakan tenaga manusia ramai. Penggunaan alat sedia ada juga mempunyai kapasiti pengisian cecair yang terhad dan pengendalian agak terbatas serta mengakibatkan proses disinfeksi bangunan dan kawasan berisiko terkena jangkitan wabak COVID-19.

Jabatan Bomba dan Penyelamat Perlis berbincang dengan MoTECH UniMAP untuk penentuan spesifikasi alat tersebut. Hasil kerjasama kedua-dua pihak serta pasukan jurutera MoTECH, alat yang diberi nama Seri Perlis C19 Tactical Mobile Mass Disinfectant Device (SP-C19 TMMD) berjaya dihasilkan.







TARIAN 'CANGGUNG CHALLENGE'

Pada bulan April - Mei 2020, Pusat Kebudayaan UniMAP mengambil inisiatif melaksanakan program pembelajaran asas Tarian 'Canggung Challenge' secara dalam talian berikutan pembudayaan norma baharu pandemik COVID-19.

Dengan pelaksanaan program seperti ini dapat memberi pemahaman tentang warisan budaya tarian tradisional Perlis agar terus kekal di minda rakyat tempatan. Melalui kepakaran sedia ada, staf Pusat Kebudayaan telah menyampaikan ilmu asas tarian bukan sahaja dalam kalangan pelajar UniMAP malahan kepada masyarakat di negeri ini.





PEMBANGUNAN TVET ORANG KURANG UPAYA (OKU) DI PERLIS

Pada 1 Julai 2020, UniMAP melalui Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal, Institute of Sustainable Agrotechnology dan Unit OKU, Jabatan Hal Ehwal Pelajar telah mengadakan Pembangunan TVET OKU di Perlis dengan kerjasama pihak Persatuan Sokongan Ibu bapa dan Remaja Istimewa Perlis, PeSTeC, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs), Perbadanan Kemajuan Ekonomi Perlis, Jabatan Kebajikan Malaysia dan Muda Agricultural Development Authority.

Penyertaan terdiri daripada 50 orang golongan remaja dan 98 orang golongan belia OKU Perlis yang berpotensi sebagai modal insan dan berkemahiran dalam ruang lingkup upaya individu dengan pembangunan program TVET pertanian mesra OKU serta program TVET pembuatan makanan sejuk beku mesra OKU. Peningkatan peratus remaja dan belia OKU berkemahiran setiap tahun ini akan memberi impak yang besar dalam penghasilan modul-modul kemahiran untuk golongan OKU dan mereka juga dapat menjana pendapatan bagi kelangsungan hidup seharian.





Kemahiran asas pembuatan makanan





Aktiviti asas pertanian seperti pengenalan tanaman, penyemaian, penjagaan dan penyiraman





Lawatan penanda aras untuk pembangunan lantai pemprosesan makanan sejuk beku

SISTEM PENGESAN SUHU BADAN, SANITASI DENGAN KEHADIRAN PELAJAR 3-DALAM-1 SECARA AUTOMATIK

UniMAP melalui Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik dan PPD telah menyerahkan Sistem Pengesan Suhu Badan, Sanitasi beserta Sistem Kehadiran Pelajar 3 dalam 1 secara Automatik (3-*in-1 Automatic Body Temperature Detection, Sanitizer With Attendance System*) bagi kegunaan pelajar dan guru Sekolah Kebangsaan (SK) Dato' Wan Kemara, Changlun, Kedah pada 15 Julai 2020.





Sistem ini berfungsi secara automatik tanpa sentuhan dan menggunakan kaedah pengesanan wajah (*Face Recognition*) untuk merekod kehadiran para pelajar, di samping boleh membaca dan merekod suhu badan serta dilengkapi dengan sistem sanitasi tangan. Capaian internet digunakan untuk menyimpan semua maklumat atau data yang diterima.

Penyerahan sistem ini kepada SK Dato' Wan Kemara Changlun merupakan USR UniMAP kepada komuniti di sekitarnya. Sekolah ini juga merupakan sekolah angkat PPD, UniMAP dan merupakan sekolah yang paling aktif di negeri Kedah.

PEMASANGAN SISTEM FERTIGASI BAGI KEBUN STRAWBERI PELAJAR ORANG KURANG UPAYA (OKU)

Pada 27 Ogos 2020, PPD telah mengadakan projek pemasangan Sistem Fertigasi bagi Kebun Strawberi Pelajar OKU bertempat di SK Dato' Wan Kemara, Changlun, Kedah yang terdiri daripada 21 Pelajar Masalah Pembelajaran dan OKU.

Tujuan pemasangan sistem ini adalah kerana jumlah siraman air pada pokok strawberi tidak sekata di sebabkan kekangan masa dan para guru perlu hadir untuk membuat siraman pada tanaman strawberi pelajar pada hari minggu dan cuti. Di samping itu, melalui projek ini juga dapat memberikan pendidikan secara praktikal kepada pelajar OKU. Pemasangan sistem fertigasi yang berfungsi secara automatik dan solar panel bagi mengecas bateri yang digunakan dapat membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pelajar dan guru.





TRAINING WASTE AUDIT

Pusat Pengurusan Tenaga dan Kampus Lestari dengan kerjasama Impact Revolution Enterprise & Trash Hero iaitu, NGO bersama beberapa agensi seperti SWCorp Perlis, E-Idaman Sdn. Bhd., Jabatan Kerja Raya Negeri Perlis, dan Jabatan Pengairan dan Saliran - JPS Negeri Perlis telah menganjurkan *Training Waste Audit* pada 17 September 2020 bertempat di Kolej Kediaman Tuanku Tengku Fauziah yang bertujuan memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai membuang barangan kitar semula. Aktiviti seperti ini dapat memupuk semangat warga UniMAP dan masyarakat setempat untuk memelihara alam sekitar, mengenal pasti jenis sisa serta melaksanakan *Waste Audit* dan *Brand Audit*. Melalui aktiviti amal ini, pelajar akan menerima sijil *Waste Audit* daripada pihak Impactlution.





REKA BENTUK MESIN PENGADUN BAGI PRODUK SEJUK BEKU

Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dengan kerjasama Persatuan Sokongan Ibu Bapa dan Remaja Istimewa Perlis, Kolej Komuniti Arau dan HPA Industry telah menganalisa mesin pengadun untuk bahan-bahan makanan sejuk beku yang berada di pasaran yang tidak sesuai untuk dikendalikan oleh golongan OKU dan masalah pembelajaran seperti autisme, ADHD, Sindrom Down dan lain-lain.

Justeru, pihak berkaitan membuat cadangan reka bentuk susunan lantai memproses makanan sejuk beku mesra OKU yang sesuai untuk kegunaan industri berskala kecil. Hasil dan impak tinggi kepada golongan OKU adalah:

i. Memudahkan proses pembuatan makanan sejuk beku bagi pekerja OKU;
ii. memenuhi permintaan makanan sejuk beku dalam pasaran tempatan Perlis; dan
iii. membantu mengembangkan ekonomi desa dan punca pendapatan OKU.









BENGKEL INOVASI KAPAL TERBANG KAWALAN JAUH (RC JET) SEKOLAH MENENGAH NEGERI PERLIS TAHUN 2020

Pada 28 - 30 September 2020, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dengan kerjasama Bahagian Kokurikulum, Jabatan Pendidikan Negeri Perlis (JPNPs), Yayasan Inovasi Malaysia dan 20 pelajar daripada sekolah-sekolah terpilih di sekitar negeri Perlis telah mengadakan Bengkel RC JET Sekolah Menengah Negeri Perlis Tahun 2020.

Objektif bengkel adalah untuk menjadi medan utama pelajar menyerlahkan bakat dan idea kreatif mereka. Pelajar dapat memotivasi, memahami, menggunakan ilmu sains dan teknologi, meningkatkan minat dan kemahiran mereka dalam bidang aeromodeling serta reka cipta kapal terbang (jet).









MESIN MEMBENTUK ISIPADU BERAS PULUT

Carbon Clean Research Group (CCRG), Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dengan kerjasama Binarich Enterprise telah mengadakan sesi pertukaran pengetahuan dengan pasukan produksi di Binarich secara dalam talian mulai 12 Oktober 2020.

Sesi ini diadakan untuk mengembangkan bakat baharu melalui pengambilan Pembantu Penyelidik (RA) dan pertukaran pengetahuan dengan pasukan produksi di Binarich Enterprise berkenaan mesin membentuk isipadu beras pulut. Antara pengetahuan mesin yang didapati adalah seperti:

i. Mesin ini membolehkan masa pemprosesan dipendekkan kerana mesin automatik dapat mengurangkan kebergantungan manusia sehingga meningkatkan proses produktiviti serta mengurangkan masa proses per beras pop;
ii. meningkatkan kualiti kerana kurangnya campur tangan manusia di mana dengan penggunaan mesin automatik ini didapati risiko produk dicemari oleh sentuhan manusia menjadi lebih rendah;
iii. meningkatkan pendapatan kerana mesin automatik biasanya menghasilkan sekurang-kurangnya dua hingga tiga kali ganda pengeluaran beras padi sekali gus meningkatkan pendapatan syarikat; dan
iv. mengurangkan tenaga kerja manusia kerana penggunaan automatik secara berterusan.





PERKONGSIAN ILMU PENGURUSAN ACARA DAN FOTOGRAFI SEMPENA HARI PENGAJIAN PEGAWAI REJIMEN 504 ASKAR WATANIAH

Pada 28 Oktober 2020, Pusat Komunikasi Korporat (PKK), UniMAP telah mengadakan Perkongsian Ilmu Pengurusan Acara dan Fotografi yang disampaikan oleh staf PKK kepada Staf Rejimen 504 Askar Wataniah bertempat di Rejimen 504 Askar Wataniah, Kem Bukit Keteri, Perlis.

Program ini bertujuan untuk memberi pengetahuan dan kefahaman kepada staf Rejimen 504 Askar Wataniah tentang teori dan amalan protokol dalam mengendalikan majlis rasmi. Selain itu, para peserta juga diberi pendedahan untuk meningkatkan kemahiran penggunaan kamera digital dan teknik penggunaan aplikasi dalam menghasilkan gambar-gambar yang menarik.









BAB 15

PRASARANA INFRASTRUKTUR DAN INFOSTRUKTUR



PERPUSTAKAAN TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS



Perpustakaan Universiti Malaysia Perlis terdiri daripada Perpustakaan Utama iaitu Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra (PTSFP) di Kampus Pauh Putra, Perpustakaan Kampus Cawangan di Kampus Bandar Kangar dan Hub Digital di Kampus Universiti Alam, Sungai Chuchoh.

Penawaran koleksi, perkhidmatan, kemudahan perpustakaan dan perkembangannya dipandu oleh Pelan Hala Tuju Strategik PTSFP 2018-2025 telah dibangunkan pada tahun 2018. Pelan ini menyasarkan tujuh (7) tujahan yang dikenalpasti berupaya menyangga matlamat strategik, misi dan visi UniMAP. Ia meliputi tujahan sokongan penyelidikan, repositori generasi baru, kelestarian kewangan, fasiliti bertaraf dunia, hub komuniti, kelestarian perpustakaan Abad ke-21 dan Pusat Sehenti Rangkaian Universiti-Universiti Teknikal Malaysia (MTUN).

Pada tahun 2020, PTSFP telah menjayakan inisiatif yang ditetapkan di dalam Pelan Hala Tuju Strategik PTSFP 2018-2025 (lihat Rajah 1). Empat (4) inisiatif berimpak meliputi penubuhan Unit Sokongan Penyelidikan, pemantapan Sistem Repositori, penubuhan *Ronald McDonald House Charities* (RHMC) *Sensory Room* dan pelaksanaan Konsortium Sumber Elektronik Pendidikan Tinggi (KONSEPt) serta projek langganan pangkalan data maklumat *ScienceDirect* untuk Universiti Awam.

Secara asasnya, pada tahun 2020 PTSFP memfokus kepada pemantapan Tunjang Sokongan Penyelidikan, Tunjang Repositori Generasi Baru, Tunjang Hub Komuniti dan Tunjang Pusat Sehenti MTUN.



PENGURUSAN KEWANGAN

Pembangunan koleksi sumber maklumat ilmiah merupakan elemen penting dalam memenuhi keperluan maklumat pengajaran-pembelajaran dan penyelidikan warga Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). Sehubungan itu, sebahagian besar peruntukan Perpustakaan (80%-90%) dimanfaatkan untuk tujuan berkenaan.

Pada tahun 2020, Perpustakaan telah menerima sebanyak RM 2.6 juta iaitu peningkatan 1.78% berbanding tahun sebelumnya untuk memperkaya koleksi sumber maklumat ilmiah di UniMAP.

PTSFP melaksanakan penilaian keberkesanan langganan pangkalan data maklumat bagi memastikan manfaat perbelanjaan yang optimum. Nilai Kadar Pulangan Atas Pelaburan (*Return of Investment - ROI*) diukur menggunakan pendekatan Piawaian COUNTER *(Counting Online Usage for Networked Electronic Resource) dan* piawaiaan ISO 11620:2014 *(Information and documentation - Library performance indicators*).

Analisis data menunjukkan PTSFP berjaya membekalkan teks penuh bahan ilmiah pada kos RM 3.11 seunit bagi tempoh tiga (3) tahun 2018-2020. Nilai ini jauh lebih rendah berbanding kos perolehan teks penuh daripada penerbit melalui perkhidmatan *Pay Per View* (PPV) yang mencecah RM176.00 seunit.

TAJAAN LANGGANAN PANGKALAN DATA MAKLUMAT OLEH KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI (KPT) MALAYSIA

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

PUSAT SITASI DAN INFOMETRIK

Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi

Scopus® | ProQuest DISSERTATIONS & THESES GLOBAL | Academic Search Premier

Sejak tahun 2017, Bahagian Sitasi dan Infometrik, Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi telah menaja langganan kepada pangkalan data maklumat berimpak untuk manfaat dua puluh (20) Universiti Awam.

Pada tahun 2020, Universiti Awam menikmati langganan kepada pangkalan data sitasi *Scopus*, pangkalan data tesis elektronik global *ProQuest Dissertations and Theses* (PQDT) dan pangkalan data jurnal dan majalah *EBSCO Academic Search Premier.*

Tajaan ini dibuat berasaskan keperluan Universiti Awam melalui Jawatankuasa Ketua Pustakawan Universiti Awam (JKPUA) dan *Malaysia Online E-Resource Consortium* (MOLEC). Inisiatif ini telah berjaya meluaskan akses kepada kandungan digital ilmiah komuniti pengajian tinggi. Dianggarkan 2.5 juta judul tesis elektronik global melalui pangkalan data maklumat *ProQuest Dissertations and Theses* (PQDT) dan capaian kepada *4,652* jurnal dan majalah melalui *EBSCO Academic Search Premier.* Tajaan kepada pangkalan data sitasi *Scopus* pula berupaya menyangga matlamat strategik menjana penyelidikan berimpak di universiti. *Scopus* digunakan secara meluas oleh penyelidik UniMAP untuk menghasilkan penyelidikan berkualiti dan berimpak.

Jumlah tajaan dianggarkan RM523,000.00 telah membantu meningkatkan keupayaan UniMAP untuk meluaskan akses kepada sumber maklumat ilmiah berkualiti.

PENYERTAAN UniMAP DALAM KONSORTIUM SUMBER ELEKTRONIK PENDIDIKAN TINGGI (KONSEPt)

Tahun 2020 merupakan tahun yang mencatatkan detik bersejarah bagi Perpustakaan Universiti Awam. Mesyuarat Pengurusan Tertinggi (MPT) Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Bil. 17/2020 bertarikh 30 September 2020 telah meluluskan Cadangan Penubuhan KONSEPt dan meluluskan projek pertama melibatkan langganan pangkalan data maklumat *ScienceDirect* secara konsortium.

Konsortium Sumber Elektronik Pendidikan Tinggi (KONSEPt) merupakan projek kolaborasi di antara Bahagian Sitasi dan Infometrik (BSI), Jabatan Pengajian Tinggi dan Jawatankuasa Ketua Pustakawan Universiti Awam (JKPUA).

Jawatankuasa Penubuhan KONSEPt ini diterajui oleh Ketua Pustakawan UniMAP semenjak Jun 2018 dan dianggotai oleh Bahagian Sitasi dan Infometrik, Jabatan Pendidikan Tinggi, Ketua Pustakawan Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM).

KONSEPt merupakan inisiatif penting bagi meningkatkan keupayaan Universiti Awam untuk menyediakan akses secara lestari kepada sumber maklumat ilmiah bagi memenuhi keperluan warga Universiti Awam dengan keupayaan mengawal dasar penerbit serta mempunyai kuasa perundingan yang lebih kuat.

AKSES KEPADA SUMBER MAKLUMAT ELEKTRONIK

Situasi Pandemik COVID-19 telah memberi peluang kepada warga UniMAP untuk meneroka sumber maklumat elektronik seperti jurnal elektronik dan buku elektronik secara optimum. Strategi jangka masa panjang PTSFP dalam memperkaya sumber maklumat elektronik telah menyumbang manfaat besar kepada warga UniMAP yang berada di luar kampus sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Sehingga tahun 2020, sumber maklumat ilmiah UniMAP didominasi oleh sumber maklumat elektronik iaitu mencapai 97.43% berbanding sumber maklumat konvensional.

Sepanjang tahun 2020, statistik menunjukkan UniMAP menawarkan lebih dari 2.9 juta judul bahan elektronik untuk memenuhi keperluan pengajaran-pembelajaran, penyelidikan dan pendidikan sepanjang hayat. Analisis data statistik capaian kepada sumber maklumat ilmiah melalui EZproxy merekodkan sebanyak 174,949 sesi dengan 42,651 kunjungan oleh warga UniMAP.

Kekangan Pandemik COVID-19 telah meningkatkan tuntutan warga UniMAP terhadap keperluan pelantar dan sumber maklumat digital yang sistematik dan efisyen. Sehubungan itu, perkhidmatan enjin penemuan (*Discovery Service*) yang menghubungkan UniMAP dengan 79,000 perpustakaan global telah dimanfaatkan oleh warga UniMAP dengan 627,505 bilangan carian telah direkodkan. Pengguna juga telah memuat turun 735,148 artikel teks penuh daripada pelantar sumber akses terbuka yang dihubungkan kepada enjin penemuan *WorldCat Discovery Service*.

Kekangan operasi perpustakaan fizikal sepanjang Pandemik COVID-19 diminimakan dengan sumber dan pelantar maklumat yang sedia dibangunkan oleh PTSFP. Statistik menunjukkan pengguna memanfaatkan kandungan soalan lazim daripada aplikasi *LibGuides* dan *LibAnswers* bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran menggunakan sumber maklumat di Perpustakaan. Kandungan Repositori Digital yang memuatkan bahan pembelajaran penting seperti kertas soalan peperiksaan lepas, artikel ilmiah yang dihasilkan oleh warga UniMAP serta laporan projek tahun akhir telah dimanfaatkan.

FASILITI PENGAJARAN-PEMBELAJARAN DAN PENYELIDIKAN

PTSFP sentiasa komited untuk menyediakan fasiliti pengajaran-pembelajaran dan penyelidikan berasaskan teknologi bagi menyediakan pengalaman pembelajaran kepada warga UniMAP.

Pada tahun 2020, fasiliti berwayar (*wired facilities*) ditambah baik dengan penambahan kepada empat belas (14) unit karel berwayar dan penawaran dua (2) buah *Smart Cubes* yang dilengkapi dengan televisyen pintar. Penambahan fasiliti ini bertujuan untuk meningkatkan akses kepada ruang pembelajaran bersesuaian dengan keperluan pembelajaran secara dalam talian. Fasiliti ini melengkapi kemudahan lain yang ditawarkan meliputi Bilik Karel, Bilik Diskusi, Bilik Pembelajaran Interaktif, *Postgraduate Lounge*, *Ind-E-Zone (Industrial Engagement Zone)*, *Noise Zone*, Hub Pembelajaran, *Library Lounge* dan Bilik Mesyuarat.





PERKHIDMATAN SOKONGAN PENGGUNA DAN PENYELIDIKAN



Kemahiran pencarian dan dapatan maklumat merupakan elemen penting yang perlu dikuasai oleh warga UniMAP selari dengan perkembangan teknologi maklumat digital. Kemahiran ini berupaya untuk membantu warga UniMAP dalam meningkatkan kualiti pengajaran-pembelajaran dan penyelidikan.

Pada tahun 2020, PTSFP telah menganjurkan sebanyak lima puluh enam (56) sesi bengkel pendidikan pengguna secara fizikal dan dalam talian yang melibatkan seramai 7,017 orang peserta. Bengkel pendidikan pengguna dianjurkan pada setiap tahun bagi meningkatkan kesedaran terhadap ketersediaan sumber maklumat ilmiah di Perpustakaan.

Selain itu, PTSFP turut mengambil inisiatif untuk menambahbaik Modul Pendidikan Pengguna yang lebih komprehensif bagi memenuhi keperluan pengguna.

PENCAPAIAN PERKHIDMATAN

PEMBANGUNAN APLIKASI/ MODUL BAHARU

Bagi memastikan universiti memanfaatkan ICT di dalam menyokong urusan pentadbiran, pengajaran dan penyelidikan, beberapa aplikasi/modul baharu telah dibangunkan secara dalaman (*in-house*) bagi tahun 2020.

PENCAPAIAN

Jadual berikut adalah ringkasan jumlah sistem berasaskan dalam talian yang dibangunkan dan diselenggara mengikut seksyen berserta jumlah staf yang terlibat:

Jadual 16: Jumlah Sistem Dan Jumlah Staf Terlibat Mengikut Seksyen

SEKSYEN	JUMLAH SISTEM	JUMLAH PEGAWAI	JUMLAH PENOLONG PEGAWAI
Personel dan Akademik	34 Sistem	7	6
Pembangunan Korporat	31 Sistem	5	5
Pintar dan Analitik	10 Sistem 42 Laman Web PTj	3	3

Jadual berikut menunjukkan pecahan jenis kerja yang terlibat di dalam sistem mengikut seksyen. Jenis kerja boleh dibahagikan kepada sistem *admin*, pembinaan baharu, penambahbaikan *major* dan *minor.*

Jadual 17: Pecahan Jenis Kerja Yang Terlibat Di Dalam Sistem Mengikut Seksyen

SEKSYEN	JUMLAH SISTEM ADMIN	JUMLAH SISTEM PEMBINAAN BAHARU	JUMLAH SISTEM PENAMBAHBAIKAN *MAJOR*	JUMLAH SISTEM PENAMBAHBAIKAN *MINOR*
Personel dan Akademik	34 Sistem	4	31	13
Pembangunan Korporat	31 Sistem	11	7	13
Pintar dan Analitik	10 Sistem 42 Laman Web PTj	4	14	34

Penambahbaikan major bermaksud terdapat sekurang-kurangnya satu (1) muka surat atau laporan baharu dibuat bagi sesuatu sistem tersebut, manakala penambahbaikan minor merujuk kepada kerja-kerja pengubahsuaian yang tidak melibatkan penambahan muka surat dan hanya perubahan dari sudut paparan mudah atau data sahaja.

SENARAI PENERANGAN PEMBANGUNAN SISTEM BAHARU BAGI TAHUN 2020

BIL.	NAMA APLIKASI / MODUL	KETERANGAN	PEMILIK APLIKASI
1.	**Pembangunan Sistem Kehadiran berasaskan Geo-lokasi**	• Sistem ini dibangunkan bagi memudahkan staf UniMAP untuk merekodkan kehadiran tanpa perlu menyentuh peralatan pencatat kehadiran • Staf UniMAP hanya perlu melayari laman web dan mengesahkan kehadiran • Sistem ini dapat mengenal pasti kedudukan staf UniMAP secara automatik dan merakamkan terus kehadiran didalam sistem • Pelaporan sistem ini juga menggunakan *system google map* bagi memantau kedudukan Pengguna • Sistem ini dibangunkan selaras dengan kaedah-kaedah norma baharu yang diberikan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia	Jabatan Pendaftar
2.	**Pembangunan Sistem e-Recruit (Permohonan Pekerjaan UniMAP)**	• Sistem ini bertujuan untuk memudahkan calon untuk memohon jawatan-jawatan kosong yang ditawarkan oleh pihak UniMAP • la juga dapat memudahkan calon untuk melengkapkan borang serta memuatnaik lampiran yang berkaitan. • Pemohon juga dapat menyemak status permohonan mereka di sistem ini tanpa perlu menghubungi pihak Pendaftar UniMAP secara panggilan telefon • Sistem ini juga memudahkan pihak pengurusan yang terlibat dalam melaksanakan proses-proses yang berkaitan dengan pemilihan calon untuk dipanggil temuduga. • la juga memudahkan proses kerja pihak Pendaftar bagi penyediaan laporan-laporan yang terlibat dalam proses pengambilan staf baharu	Jabatan Pendaftar
3.	**Pembangunan Sistem Pendaftaran Pelajar Secara Dalam Talian Sepenuhnya**	• Sistem ini dibangunkan untuk membantu pelajar-pelajar baharu (Ijazah sarjana muda dan lepasan ijazah) bagi mendaftar ke UniMAP secara dalam talian sepenuhnya tanpa perlu menghadiri secara fizikal ke universiti • Setiap pelajar baharu hanya perlu mengikuti dan melaksanakan setiap langkah-langkah yang diberikan di dalam sistem ini bagi tujuan pendaftaran • Kesemua proses berlaku sepenuhnya di sistem ini termasuklah menghantar segala borang-borang yang diperlukan dan lampiran/salinan yang diperlukan semasa pendaftaran • Selain itu ia memudahkan pihak *Academic Management Center* (AMC) dan *Center For Graduate Study* (CGS) dalam mengumpul kesemua maklumat penting pelajar baharu termasuk proses-proses merekod data tersebut	Pusat Pengurusan Akademik (AMC)

BIL.	NAMA APLIKASI / MODUL	KETERANGAN	PEMILIK APLIKASI
4.	**Pembangunan Sistem Kenaikan Pangkat dalam talian**	• Sistem ini dibangunkan untuk permohonan kenaikan pangkat oleh staf akademik UniMAP ke jawatan seperti Pensyarah Universiti Gred Khas C VK7 (PROFESOR), Professor Madya (DS54), Pensyarah Kanan (DS52) sepenuhnya dalam talian • Sistem ini bertujuan memudahkan proses permohonan kenaikan pangkat oleh para pemohon di mana tiada lagi penggunaan borang-borang fizikal • Pemohon hanya perlu melengkapkan kesemua maklumat-maklumat ke dalam sistem dan memuat naik segala lampiran yang diperlukan • la juga dapat memudahkan proses-proses kerja yang berkaitan di pejabat pendaftar UniMAP tanpa melibatkan penggunaan kertas yang banyak	Jabatan Pendaftar
5.	**Pembangunan Sistem FRIS**	• Sistem ini dibangunkan untuk membantu pejabat pentadbiran di setiap jabatan bagi merekodkan surat masuk atau keluar dengan lebih teratur dan tersusun • Dengan adanya sistem ini maka proses-proses kerja yang melibatkan pengurusan surat akan menjadi lebih efektif dimana setiap surat disimpan di dalam talian • Sistem ini juga boleh merekodkan segala minit dan maklum balas yang diperlukan didalam jabatan secara terus dan disimpan bagi tujuan rujukan di masa hadapan • Seterusnya kewujudan sistem ini dapat mempercepatkan proses tindakan oleh staf di jabatan dengan lebih pantas dan efektif • Permasalahan surat yang dihantar mengambil masa yang lama untuk diterima oleh staf yang terlibat dapat dielakkan dan didalami	Pusat Pengurusan dan Pembangunan Digital (DMDC)
6.	**Pembangunan Sistem e-Mesyuarat**	• Sistem ini dibangunkan bertujuan untuk menyimpan dan merekodkan dokumen-dokumen mesyuarat seperti minit-minit yang berkaitan dan lampiran yang terlibat • Dengan adanya sistem ini dokumen mesyuarat tidak perlu lagi dicetak secara fizikal • Ini memudahkan ahli mesyuarat untuk mencapai dokumen yang terlibat secara dalam talian yang lebih mudah dan efektif • Sistem ini juga memudahkan setiap ahli didalam mesyuarat untuk merujuk dan melaksanakan tindakan yang sepatutnya berdasarkan minit yang dicatatkan • Selain itu, ia juga memudahkan staf untuk mencari minit-minit mesyuarat lama dengan kemudahan carian yang lebih berkesan dan pantas	Jabatan Canselori, Pusat Pengurusan Akademik (AMC), Jabatan Pendaftar, Pusat Pengurusan Ijazah Lanjutan (CGS), Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC)

BIL.	NAMA APLIKASI / MODUL	KETERANGAN	PEMILIK APLIKASI
7.	**Pembangunan Laman Web UniMAP yang baharu**	• Laman web utama UniMAP (unimap.edu.my) telah dinaik taraf supaya lebih menarik dan interaktif kepada pengguna • Sebagai contoh pengenalan konsep *pop-up* bagi gambar-gambar pihak pengurusan tertinggi UniMAP telah digunakan oleh laman web baharu ini • Antara muka baharu yang digunakan bagi laman web ini juga lebih mesra dan responsif terhadap penggunaan peranti mudah alih seperti telefon pintar • Selain itu, susun atur isi kandungan bagi laman web ini juga telah diubahsuai supaya lebih bermaklumat, kemas dan padat • Pengguna-penguna seperti pelajar dan staf UniMAP juga lebih mudah untuk melayari ke laman-laman web yang berkaitan dengan universiti seperti pengenalan ikon pautan terus ke saluran *YouTube*, *Twitter*, *Facebook* dan *Instagram* UniMAP	UniMAP
8.	**Pembangunan Sistem UniSmartCert (*Blockchain*)**	• Sistem ini dibangunkan bagi tujuan memudahkan orang ramai untuk mengenal pasti ketulenan sijil ijazah dan transkip akademik yang dikeluarkan oleh pihak UniMAP • Selain itu pengguna juga boleh menggunakan sistem ini untuk tujuan pengesahan status keaktifan seseorang pelajar dan staf UniMAP • Pengguna hanya perlu mengimbas Kod QR yang tersedia di sijil atau kad identiti pelajar ataupun staf bagi tujuan pengesahan • Sistem ini menggunakan teknologi Blockchain berasaskan Ethereum yang terkini dimana data-data yang disimpan dienkrip secara berangkai dan disimpan menggunakan beberapa pelayan secara selari. Ini bertujuan memastikan data-data yang disimpan adalah hampir mustahil dicuri atau diubah oleh mereka yang berkepentingan • Sistem ini juga membantu pihak UniMAP dalam melakukan penjimatan kewangan kerana tidak perlu mencetak sijil ijazah dan transkip akademik dengan menggunakan kertas yang mahal	Pusat Pengurusan Akademik (AMC), Jabatan Pendaftar, Pusat Pengajian Siswazah (CGS)

BIL.	NAMA APLIKASI / MODUL	KETERANGAN	PEMILIK APLIKASI
9.	**Pembangunan Sistem ePay UniMAP**	• Sistem ini direka bentuk untuk memudahkan proses pembayaran secara dalam talian oleh pelajar dan staf UniMAP • Sistem ini dilengkapi ciri-ciri keselamatan terkini yang diguna pakai oleh pihak bank Malaysia di mana ia diperkuatkan dengan kaedah pembayaran paynett yang memberi akses pengguna kepada semua bank di Malaysia • Setiap proses pembayaran yang berjaya dilakukan akan terus dikemaskini secara pantas dan laporan akan disalurkan secara automatik ke sistem-sistem lain bagi tujuan rekod simpanan dan proses-proses lain seterusnya • Pengguna tidak perlu menunggu selama 1 atau 2 hari bagi tujuan pengesahan pembayaran yang terlibat • Secara tidak langsung sistem ini boleh membantu UniMAP dalam menjana pendapatan hasil transaksi yang berlaku	Pusat Pengurusan dan Pembangunan Digital (DMDC), Jabatan Bendahari
10.	**Pembangunan Sistem UniSIS**	• Sistem ini bertujuan memudahkan staf UniMAP untuk melayari sistem-sistem di UniMAP tanpa perlu memerlukan kata laluan yang berbeza-beza • Sistem ini dibangunkan bagi menggantikan portal UniMAP dan ia dibina berasaskan konsep portal peribadi • Sistem ini membolehkan staf untuk mendapatkan maklumat-maklumat berkaitan dengan diri sendiri seperti maklumat peribadi, perjawatan, akademik, penyelidikan, perubatan dan maklumat gaji • Selain itu, bermula pada tahun 2020 ini, staf akademik boleh mengisi borang kenaikan pangkat dalam talian tanpa perlu menghantar borang berkaitan secara fizikal • Sistem ini juga dilengkapi dengan laporan kehadiran untuk setiap hari dan memaparkan baki cuti bagi tahun semasa	UniMAP
11.	**Pembangunan Sistem Deklarasi Kesihatan**	• Sistem Deklarasi ini dibangunkan bagi membantu pihak COSHE UniMAP untuk memantau keluar masuk staf, pelajar atau orang luar kedalam kampus UniMAP. • Sebagai contoh, pelajar yang ingin pulang ke asrama, perlulah mengisi borang di laman web ini serta mengisi segala butiran yang dikehendaki. Setelah mengisi dan menghantar borang ini, sistem akan membina kod QR untuk pelajar tersebut. Pelajar seterusnya hendaklah mencetak dan menyimpan gambar kod QR tersebut bagi tujuan pengesahan di asrama	Pusat Pengurusan Keselamatan, Kesihatan dan Persekitaran Pekerjaan(COSHE)

BIL.	NAMA APLIKASI / MODUL	KETERANGAN	PEMILIK APLIKASI
		• Sistem ini juga membantu pihak COSHE UniMAP untuk melakukan proses pengesahan kod QR dikalangan staf, pelajar atau orang luar yang masuk ke kawasan kampus UniMAP. Mereka boleh membaca kod QR dengan menggunakan sistem ini dan seterusnya memaparkan maklumat-maklumat yang diperlukan • Selain itu juga, sistem ini memaparkan kawasan-kawasan yang dijangkiti penyakit Covid-19 dan ini bertujuan membantu pihak COSHE UniMAP memantau staf dan pelajar yang berada di kawasan-kawasan yang berisiko	
12.	**Pembangunan Sistem Tempahan Pusat Sukan**	• Sistem ini dibangunkan bagi memudahkan staf dan pelajar membuat tempahan peralatan dan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Pusat Sukan UniMAP • Selain itu sistem ini juga dibina supaya dapat memudahkan proses-proses yang terlibat dalam memohon pinjaman di Pusat Sukan dimana segala borang dan proses penilaian serta kelulusan dilakukan secara dalam talian • Pihak Pusat Sukan juga boleh melihat laporan-laporan tertentu dari sistem ini bagi memantapkan proses-proses kerja dan seterusnya merancang penggunaan kemudahan-kemudahan sukan di UniMAP	Pusat Sukan dan Rekreasi
13.	**Penambahbaikan Sistem RnD Penerbitan**	• Sistem RnD Penerbitan UniMAP telah ditambah baik dari segi antara muka yang lebih mesra dan lebih memudahkan pengguna • Mulai 2020, sistem ini telah dibangunkan agar segala data yang dimasukkan akan secara automatik dikongsi bersama dengan sistem kenaikan pangkat • Selain itu, pensyarah terutamanya boleh memasukkan maklumat-maklumat kertas kerja dan geran penyelidikan ke dalam sistem • staf akademik boleh memuat naik data-data penulisan seperti jurnal, buku dan lain-lain lagi yang mana data-data ini sangat penting bukan hanya untuk kenaikan pangkat tetapi untuk tujuan pengumpulan data MyRA dan lain-lain	Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC)
14.	**Penambahbaikan Sistem GAMIS**	• Notifikasi amaran kepada pelajar-pelajar pasca siswazah - modul ini telah dibangunkan bagi memantau perjalanan pelajar sepanjang pengajian mereka. Notifikasi dibahagikan kepada dua (2) corak pemantauan • Pemantauan pertama untuk memberi notifikasi di mana had tempoh pengajian telah hampir tamat	Pusat Pengajian Siswazah (CGS)

BIL.	NAMA APLIKASI / MODUL	KETERANGAN	PEMILIK APLIKASI
		• Pemantauan kedua adalah bagi pelajar mod penyelidikan melakukan *Proposal Defence* di dalam tempoh yang ditetapkan. Dengan adanya kedua-dua pemantauan ini, pelajar tidak leka dan lebih peka dengan kerja yang harus dilakukan sepanjang pengajian mereka • PIT12/PIT17/PIT18 - Proses serahan tesis bermula daripada PIT12, setelah selesai proses seterusnya adalah mengisi borang PIT17 dan akhir sekali proses *Final Thesis*. Kesemua proses ini telah ditransformasi daripada proses manual kepada dalam talian. Dengan adanya proses ini masa dapat disingkatkan dan dokumen dapat disimpan dalam bentuk digital • Pendaftaran pelajar baharu secara keseluruhan adalah melalui kaedah dalam talian kerana pandemik COVID-19 menghalang pelajar daripada hadir secara fizikal. Proses pendaftaran ini kali pertama dilaksanakan pada Oktober 2020 dan akan diteruskan perlaksanaannya sehingga mendapat mandat seterusnya	
15.	**Pembangunan Sistem Endowmen dan Wakaf**	• Sistem ini dibangunkan untuk membantu pihak ECIP UniMAP dalam menguruskan segala proses-proses kerja yang terlibat mengenai wakaf dan endowmen • Sistem ini dapat membantu pihak ECIP dalam menguruskan serta proses merekod segala derma atau wakaf yang diberikan oleh pihak luar kepada UniMAP • Selain itu, sistem ini juga membantu pihak-pihak yang ingin menderma kepada UniMAP boleh melakukannya terus dengan melayari sistem ini di mana sistem ini dihubungi terus dengan sistem pembayaran UniMAP (epay.unimap.edu.my) • Oleh yang demikian, segala urusan merekod data-data yang terlibat dapat dilakukan dengan pantas dan automatik	Pusat Keusahawanan, Jaringan Industri dan Masyarakat (CEICnet)
16.	**Pembangunan Sistem Asnaf**	• Sistem ini dibangunkan bagi membantu pihak Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Negeri Perlis (MAIPs) dalam melancarkan proses pengurusan proses-proses kerja yang melibatkan golongan asnaf di Negeri Perlis • Sistem ini dapat menyimpan secara dalam talian mengenai maklumat-maklumat penting mengenai golongan asnaf yang telah dikenal pasti di Perlis • Selain itu, sistem ini dapat menyimpan lokasi kedudukan rumah golongan asnaf didalam peta dan secara langsung memudahkan pihak MAIPs untuk pergi ke lokasi-lokasi ini	Pusat Islam

BIL.	NAMA APLIKASI / MODUL	KETERANGAN	PEMILIK APLIKASI
		• Sistem ini juga dapat merekod akan produk-produk yang dihasilkan oleh golongan asnaf ini dan seterusnya membantu pihak MAIPs untuk meningkatkan ekonomi golongan ini dengan cara meningkatkan proses pemasaran yang berkaitan	
17.	**Pembangunan Sistem Maklumat SQM**	• *UniMAP Go Digital* sesuai dengan *tagline* tersebut, DMDC bersedia untuk menempuhi cabaran tersebut. Pembangunan sistem maklumat SQM adalah satu langkah menuju matlamat tersebut. Sistem ini akan membantu pihak SQM melakukan aktiviti seharian secara digital berkaitan informasi, aktiviti kerja dan lain-lain. Modul pertama yang dibangunkan pada tahun 2020 adalah modul tuntutan yuran *Professional Engineer*. Permohonan tuntutan boleh dibuat melalui sistem UniSIS dan sistem SQM ini akan memproses permohonan tersebut secara dalam talian. • Modul-modul seterusnya akan dilaksanakan secara berperingkat pada tahun 2021 dan tahun-tahun seterusnya	Pusat Pengurusan Strategi dan Qualiti
18.	**Pembangunan Sistem untuk Universiti Al-Bukhary**	• UniMAP telah membantu pihak Universiti Al-Bukhary dalam membina sistem yang melibatkan pengurusan hal-ehwal akademik dan pelajar • Terdapat lima (5) sistem yang terlibat didalam projek ini iaitu sistem akademik (Amis), sistem pengajian tinggi (GAMIS), sistem penempatan asrama (HOMES), sistem kehadiran (idloc) dan sistem penyata gaji (OFIS) • Pihak DMDC menyediakan latihan teknikal dan kaedah penggunaan sistem-sistem ini kepada pengguna-pengguna di Universiti Al-Bukhary selama tempoh 2 tahun • Beberapa siri latihan telah diberikan kepada pengguna di universiti tersebut yang melibatkan para pensyarah dan pihak pengurusan	Universiti Al-Bukhary

BIL.	NAMA APLIKASI / MODUL	KETERANGAN	PEMILIK APLIKASI
19.	**Pembangunan HEA08 - Permohonan Berhenti Pengajian Secara Online dalam OSI dan AMIS**	• Modul HEA08 secara online dibangunkan untuk memudahkan pelajar membuat permohonan berhenti secara online di dalam OSI dan seterusnya mendapat pengesahan secara online daripada jabatan yang terlibat seperti Jabatan Perpustakaan, Jabatan Keselamatan, Jabatan Bendahari , Kolej Kediaman Pelajar dan RPS pelajar sebelum mendapat kelulusan secara online oleh Dekan Fakulti , Pengarah AMC dan Seterusnya TNC A n A sebelum diproses oleh Bahagian Pengurusan Akademik iaitu Unit Kemasukan dan Rekod Pelajar melalui Sistem AMIS. • Pengguna yang terlibat ialah Pelajar, Pustakawan, Pegawai Bendahari, Penolong Pendaftar UKRP, Penolong Pendaftar Keselamatan, Pengurus Asrama, RPS, Pengarah AMC, Dekan Fakulti, TNC A & A • Modul yang dibangunkan di dalam OSI ialah Permohonan Berhenti Pengajian, Status Permohonan Berhenti Pengajian dan Surat Pengesahan Berhenti Pengajian • Modul yang dibangunkan di dalam AMIS ialah Tetapan Email Pengesahan, Pengesahan Jabatan Perpustakaan, Pengesahan Jabatan Keselamatan, Pengesahan Kolej Kediaman, Pengesahan Jabatan Bendahari, Pengesahan Penasihat Akademik, Kelulusan Dekan Fakulti, Kelulusan Pengarah Pusat Pengurusan. Akademik, Kelulusan TNC A&A dan Semakan UKRP. Selain itu pembangunan laporan berkaitan permohonan berhenti pengajian oleh pelajar juga disediakan secara online di dalam AMIS	Pusat Pengurusan Akademik (AMC)
20.	**Pembangunan HEA01[c] - Permohonan Penawaran Kursus Secara Online di dalam AMIS**	• Modul HEA01[c] secara online dibangunkan untuk memudahkan pencetus yang terdiri daripada staff akademik untuk membuat permohonan penawaran kursus secara online di dalam AMIS dan seterusnya mendapat pengesahan secara online daripada Pengerusi Rancangan , Semakan oleh Penolong Pendaftar Fakulti, seterusnya kelulusan oleh Dekan Fakulti dan Seterusnya JPA. Selain itu pembangunan Laporan berkaitan senarai penawaran kursus mengikut semester serta status kelulusan disediakan secara online di dalam sistem AMIS	Pusat Pengurusan Akademik (AMC)

BIL.	NAMA APLIKASI / MODUL	KETERANGAN	PEMILIK APLIKASI
21.	**Modul kemaskini maklumat pelajar - Online Student Information (OSI)**	• Modul ini dibangunkan bagi membolehkan para pelajar mengemaskini maklumat pelajar secara dalam talian. Hanya beberapa medan maklumat pelajar yang diberikan akses untuk dikemaskini. Contohnya, Maklumat alamat pelajar, emel pelajar, maklumat akaun bank, nombor akaun bank dan nombor telefon pelajar. Pelajar akan diberikan emel notifikasi setelah maklumat selesai dikemas kini di sistem OSI	Bahagian Pengurusan Akademik (AMD)
22.	**Tambahan Fungsi baharu muat naik bukti bayaran yuran oleh calon pelajar yang ditawarkan di dalam Sistem Surat Tawaran**	• MSK pelajar baharu dibuat secara online akibat dari penularan wabak COVID-19. Bukti pembayaran yuran akan dimuatnaik secara dalam talian di Sistem Surat Tawaran untuk semakan pihak Bendahari	Bahagian Pengurusan Akademik (AMD)
23.	**Pembangunan Permohonan Kembali Ke Asrama secara online pada Sistem Maklumat Kediaman (HOMES) dan OSI**	• Modul Kembali ke Asrama secara online dibangunkan bagi membolehkan pelajar membuat permohonan untuk kembali ke asrama secara online di dalam sistem OSI dan seterusnya disemak dan disahkan oleh pihak Pusat Perumahan Pelajar (asrama) • Surat kelulusan akan dikeluarkan bagi permohonan yang diluluskan di sistem OSI dan pelajar boleh membawa surat bagi tujuan kembali ke asrama • Seterusnya pengesahan kehadiran pelajar Ijazah dan diploma direkodkan menggunakan kaedah kod QR secara dalam talian dan pihak admin akan mengambil rekod ini bagi tujuan pengesahan check-in asrama	Pusat Perumahan Pelajar
24.	**Penambahbaikan Sistem Eportfolio**	• Modul Admin sistem Eportfolio telah ditambah baik dengan menambah fungsi-fungsi seperti penambahan *user* menu *admin* baharu, penambahan borang mewujudkan pengguna dan peranan, penambahan laporan industri, penambahan laporan tawaran industri dan penambahan laporan pelajar • Selain itu, terdapat penambahbaikan pada borang resume pelajar dan paparan resume • Pada modul majikan, penambahbaikan dilakukan pada *sign up* (maklumat syarikat), borang maklum balas sistem dan tempoh pengiklanan tawaran pekerjaan	Bahagian Kerjaya dan Keusahawanan , Pusat Keusahawanan, Jaringan Industri dan Masyarakat
25.	**Pembangunan sistem UNIDATA**	• Sistem yang membolehkan data dikumpul secara automasi daripada sumber sistem UniMAP yang berkenaan dan secara *user* input bagi menyediakan data berkaitan MyMoheS, MyRA, Quacquarelli Symonds (QS Stars), Times Higher Education (THE) dan Claribate Analytics (CA)	Pusat Pengurusan Strategi & Kualiti (SQM)

PENCAPAIAN BAHAGIAN INFRASTRUKTUR ICT (RANGKAIAN DAN PUSAT DATA)

BIL.	PROJEK	STATUS
1.	Memperbaharui Langganan AS Number	Projek telah selesai 100% pada 27 April 2020
2.	Menaik taraf jalur lebar perkhidmatan internet Litar Suwa 2Mbps kepada Streamyx 8Mbps untuk Pusat Kebudayaan, kampus Pengkalan Asam	Projek telah selesai 100% pada 2 Jun 2020
3.	Menaik taraf jalur lebar perkhidmatan internet Litar Suwa 1.5Mbps kepada dua line Streamyx 4Mbps (2x4Mbps=8Mbps) untuk INSAT, kampus Sungai Chuchuh	Projek telah selesai 100% pada 21 Mei 2020
4.	Menaik taraf jalur lebar perkhidmatan internet Metro Ethernet 6Mbps kepada dua capaian Streamyx 4Mbps (2x4Mbps=8Mbps) untuk Pusat Bahasa Antarabangsa (CIL), Kampus Pauh Putra.	Projek telah selesai 100% pada 9 September 2020
5.	Mewujudkan VLAN baharu WiFi UniMAP	Projek telah selesai 100% di Kampus Tetap Alam Pauh Putra Projek ini telah selesai 40% bagi Kampus Teragih dan dijangka selesai pada awal 2021
6.	Pembangunan NMS Open Source: NAMS (CACTI)	Projek ini telah selesai 100% untuk Pembangunan Sistem (beroperasi) Progress projek telah selesai 40% untuk menyediakan graf penggunaan *bandwidth* & juga *Weathermap* untuk semua perkakas rangkaian UniMAP, dijangka selesai dalam tahun 2021
7.	Pembangunan NMS *Open Source*: MRTG	Projek ini telah selesai 100% untuk Pembangunan Sistem (beroperasi) Progress projek telah selesai 50% untuk menyediakan graf penggunaan *bandwidth* untuk semua perkakas rangkaian UniMAP, dijangka selesai dalam tahun 2021.
8.	Pembangunan Sistem Rangkaian Baru Kampus Tetap Pauh Putra: Canselori	Projek ini telah selesai 100% untuk Structured Cabling pada 2019 dan *Switches*, dan AP (*installation, configuration & testing* pada Januari 2020 Status/progress projek ialah *in progress* untuk sistem VoIP
9.	Pembangunan Sistem Rangkaian Baru Kampus Tetap Pauh Putra: Dewan Besar	Tiada progress untuk *Structured Cabling*, *Switches*, dan AP serta sistem VoIP
10.	Pembangunan Sistem Rangkaian Baru Kampus Tetap Pauh Putra: PPK Bahan & Elektrik	Tiada progress untuk *Structured Cabling*, *Switches*, dan AP serta sistem VoIP
11.	Penambahan Perkhidmatan WiFi di Rumah Kelab Woodball, Pusat Sukan UniMAP	Projek ini telah selesai 100% untuk Structured Cabling pada Oktober 2020 Progress projek telah selesai 50% untuk 80% untuk *Switches*, dan AP. Dijangka selesai pada Januari 2021 untuk pemasangan *Acess Switch* dan konfigurasi *wireless-bridge* oleh pasukan rangkaian dan pembekal.

BIL.	PROJEK	STATUS
12.	Penyeragaman Operasi WiFi UniMAP (*signal* UniMAP WiFi, UniMAP-WiFi, dan eduroam)	Projek ini telah selesai 100% untuk semua sistem WiFi yang mempunyai Wireless LAN Controller (Juniper, Cambium, Cisco, Ruijie) di UniMAP Masih in-progress untuk operasi Standalone WiFi yang dimiliki oleh pensyarah/PTj UniMAP
13.	Perolehan Perkhidmatan Langganan Capaian Talian Point-To-Point UniCiti~Pusat Data Berkelajuan Lebar Jalur 1Gbps Serta Khidmat Sokongan Dan Penyelenggaraan Peralatan Rangkaian Yang Berkaitan Di Universiti Malaysia Perlis	Projek ini telah selesai 100% pada 26 September 2020
14.	Perolehan Perkhidmatan Langganan Capaian Talian Internet Berkelajuan Lebar Jalur 10gbps & Capaian Point-To-Point Berkelajuan Lebar Jalur 1gbps	Projek ini telah selesai 100% pada 1 November 2020
15.	Projek Pemasangan 100 Access Point Baru UniMAP	Projek ini telah selesai 100% pada 1 Disember 2020
16.	Sistem 'UniMAP Local Area Network (LAN) Speed Test'	Projek ini telah selesai 100% untuk sistem beroperasi pada Disember 2020
17.	Pertukaran Emel Staf ke GMAIL	Projek ini telah selesai 100% pada Februari 2020
18.	Pertukaran Emel Pelajar ke GMAIL	Projek ini telah selesai 100% pada Jun 2020
19.	Sistem e-Mesyuarat	Projek ini telah selesai 100% pada April 2020
20.	Sistem Helpdesk - Penambahbaikkan berkala	Projek ini telah selesai 100% pada Disember 2020
21.	Migrasi Database/Sistem Kewangan dan Portal ke Cloud @ MAMPU	Projek ini bermula pada April 2020 dan 85% telah selesai pada Disember 2020
22.	Migrasi Server ke Cloud@MAMPU	Projek ini bermula pada April 2020 dan 70% telah selesai pada Disember 2020
23.	Sewaan Komputer Berpusat dan baucar Komputer	Projek ini 75% telah selesai pada Disember 2020
24.	Chatbot	Projek ini 26% telah selesai pada Disember 2020
25.	CCTV	CCTV Bangunan Canselori - 100% beroperasi pada Julai 2020 CCTV Pusat Kuarantin Bangunan Bumita - 100% beroperasi pada November 2020 CCTV Pejabat Kompleks Perumahan - 50% selesai pada Disember 2020 CCTV Kaunter Pejabat di Bangunan Canselori - 50% Selesai pada Disember 2020
26.	Biometrik	Biometrik Bangunan Canselori - 100% beroperasi pada Julai 2020
27.	Smart Card	Kad Pelajar Bank Islam - 50% Selesai pada Disember 2020

PENCAPAIAN BAHAGIAN IT GOVERNAN & JAMINAN KUALITI

BIL.	PROJEK	STATUS
1.	Jawatankuasa *Free Open Source Software* (FOSS)	Penubuhan Jawatankuasa FOSS telah mendapat kelulusan penubuhannya dalam mesyuarat JPICT oleh YBhg. Naib Canselor. Dalam mesyuarat yang sama, pengerusi Jawatankuasa FOSS juga telah dilantik menjadi ahli JPICT. Pada tahun ini, UniMAP juga telah diberi kepercayaan untuk menjadi penganjur bersama GNOME Malaysia (gnome.my) bagi menganjurkan persidangan GNOME˜.Asia Summit 2020 pada 24 - 25 November 2020.
2.	Pengekalan status Pensijilan ISMS	Audit Pemantauan Semakan 2 ISMS MS ISO/IEC 27001 : 2013 oleh SIRIM telah dilaksanakan pada 17 hingga 18 Februari 2020. Ketua Juruaudit telah membentang laporan penemuan audit yang mana DMDC didapati mempunyai : • sifar (0) Laporan Ketakakuran (NCR) • enam (6) Peluang Penambaikan (OFI)
3.	Penubuhan *Computer Emergency Response Team* (CERT) UniMAP	Pasukan yang ditubuhkan ini bertanggungjawab untuk berurusan dengan pihak NACSA dalam perkara-perkara berkaitan keselamatan siber umumnya dan pengurusan pengendalian insiden keselamatan ICT khasnya.
4.	Dasar Keselamatan ICT (DKICT)	Dasar ini telah diangkat menjadi Dasar Keselamatan ICT universiti setelah disokong dan diluluskan oleh Naib Canselor UniMAP pada 14 November 2020.

PROGRAM PENJANAAN KEWANGAN

Pusat Pengurusan dan Pembangunan Digital (DMDC) telah mendapat beberapa projek untuk menjana kewangan Universiti seperti berikut:

BIL.	NAMA SISTEM	PENERANGAN
1.	Sistem Maklumat Sukan	Pembangunan dan perbincangan Sistem ini ditangguhkan selepas berakhir COVID-19
2.	Sistem Pengurusan Akademik Universiti Al-Bukhari (2020-2021)	Sistem ini dibina bagi membantu dalam pengurusan akademik berasaskan kepada pengguna di Universiti Malaysia Perlis. Berikut adalah beberapa sistem yang telah disediakan 1. Sistem Pengurusan Akademik (AMIS) 2. Sistem Pengurusan umber Manusia (IUSHRM) 3. Sistem Pengurusan Pengajian Tinggi (GAMIS) 4. Sistem Pengurusan Kediaman Pelajar (HOMES) 5. Sistem Informasi Kewangan (OFIS) 6. Sistem Kehadiran staf

PEMBANGUNAN KAMPUS

Usaha pembangunan kampus UniMAP sentiasa menjadi keutamaan universiti bagi memberi keselesaan dan kesejahteraan kepada warga staf dan pelajar yang berada di dalam kampus.

KPT telah meluluskan dan memperakukan peruntukan pembangunan (DE) bagi membiayai enam (6) projek sedia ada di bawah Rancangan Malaysia Ke-Sebelas Rolling Plan Keempat (RMKe-11 RP4) (2020). Jumlah keseluruhan siling peruntukan adalah seperti berikut:

BIL.	SENARAI PROJEK	KOS PROJEK (RM)	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM)
1.	PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN BAHAN	65,000,000.00	100.00
2.	PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN SISTEM ELEKTRIK	42,700,000.00	100.00
3.	DEWAN BESAR	26,740,000.00	2,000,000.00
4.	PUSAT ISLAM / MASJID	34,800,000.00	4,650,000.00
5.	PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI	12,300,000.00	4,000,000.00
6.	BAYARAN KONSESI KOLEJ KEDIAMAN UNTUK 4,000 PELAJAR	406,386,159.00	27,912,600.00
JUMLAH		**587,926,159.00**	**38,562,800.00**

DALAM PEMBINAAN



BANGUNAN PPK BAHAN DAN PPK SISTEM ELEKTRIK

KONTRAKTOR:
AKAS ENGINEERING & TRADING SDN BHD

KOS PROJEK:
RM 107.7 JUTA

KEMAJUAN FIZIKAL:
93.25 % (Jadual)
45.16 % (Sebenar)

DALAM PEMBINAAN



BANGUNAN DEWAN BESAR

KONTRAKTOR:
AMNA CONSTRUCTION SDN BHD

KOS PROJEK:
RM 26.7 JUTA

KEMAJUAN FIZIKAL:
100.00% (Jadual)
70.00% (Sebenar)

DALAM PEMBINAAN



BANGUNAN PUSAT ISLAM / MASJID

AGENSI PELAKSANA:
JKR

KOS PROJEK:
RM 34.8 JUTA

STATUS SEMASA:
PERINGKAT REKABENTUK

DALAM PEMBINAAN



BANGUNAN PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI

AGENSI PELAKSANA:
JKR

KOS PROJEK:
RM 12.3 JUTA

STATUS SEMASA:
PERINGKAT PEROLEHAN TENDER

PROJEK-PROJEK BAHARU RANCANGAN MALAYSIA KE DUABELAS ROLLING PLAN PERTAMA (RMKe-12 RP1) 2021

Pihak UniMAP telah mengemukakan sebelas (11) projek baharu tersebut yang dikemukakan kepada KPT seperti berikut:

BIL.	TAJUK PROJEK	KOS PROJEK (RM)
1.	Bangunan Pentadbiran Dewan Besar dan Setor Peralatan	25,000,000
2.	Menaiktaraf Kemudahan Infrastruktur ICT Dan Perolehan Peralatan	24,700,000
3.	Perolehan Buku Bacaan Wajib untuk Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra	3,700,000
4.	Perolehan Peralatan Makmal PPK Sistem Elektrik	87,500,000
5.	Perolehan Peralatan Makmal PPK Bahan	32,800,000
6.	Pembangunan Bangunan FTK Komputer	100,458,000
7.	Pembangunan Bangunan FTK Awam	206,190,200
8.	Kompleks Pusat Akademik	35,000,000
9.	Bangunan Jabatan Keselamatan	10,000,000
10.	Menaiktaraf Infrastruktur Kampus Alam Pauh Putra (Zon Selatan)	15,000,000
11.	Bangunan Jabatan Pembangunan Fasiliti dan Harta	25,000,000
JUMLAH		565,348,200

SENARAI PERMOHONAN PROJEK-PROJEK BAHARU RMKe-12 RP1 (2021)

KPT telah memperakukan sebanyak dua (2) projek baharu sahaja, iaitu Perolehan Peralatan Makmal PPK Sistem Elektrik dan PPK Bahan di dalam Mesyuarat Pemeriksaan Bajet Pembangunan untuk diangkat kepada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) untuk kelulusan. Namun begitu, pihak MEA tidak meluluskan permohonan dua (2) projek baharu tersebut untuk dilaksanakan pada tahun 2021.

PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI (PRE) 2020

Bagi membendung impak pandemik COVID-19, Kerajaan pada 27 Mac 2020 telah mengumumkan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat atau PRIHATIN bagi melaksanakan projek berskala kecil di seluruh negara.

KPT telah meluluskan permohonan UniMAP untuk melaksanakan projek-projek PRE 2020 dengan peruntukan sebanyak RM3 juta.


Rajah 9: Projek Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) 2020



BIL. PROJEK KESELURUHAN (PAKEJ)	AGENSI PELAKSANA	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	STATUS
26	UniMAP	3,000,000.00	100% Siap









Projek PRE : Naik Taraf Jalan









Projek PRE : Mengecat Bangunan

BAB 16

LAPORAN KEWANGAN



SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mewakilkan sebuah firma audit swasta untuk mengaudit Penyata Kewangan Universiti Malaysia Perlis. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020 Universiti dan Kumpulan dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Kumpulan Wang serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 40.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Universiti Malaysia Perlis dan Kumpulan pada 31 Disember 2020 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS), Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) dan Perlembagaan Universiti Malaysia Perlis.

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Universiti Malaysia Perlis dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions.*

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Perlis bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Universiti dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Perlis dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS), Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) dan Perlembagaan Universiti Malaysia Perlis. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Universiti dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Perlis dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Universiti dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Universiti Malaysia Perlis dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions,* saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Universiti Malaysia Perlis dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Universiti Malaysia Perlis dan Kumpulan.

c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.

d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Universiti Malaysia Perlis dan Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Universiti Malaysia Perlis dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.

e. Menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Perlis dan Kumpulan, termasuk pendedahannya, dan sama ada Penyata Kewangan Universiti dan Kumpulan telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) dan Perlembagaan Universiti Malaysia Perlis, saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 10 dalam Penyata Kewangan.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah berdasarkan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) dan Perlembagaan Universiti Malaysia Perlis dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

(MOHD SERJANA BIN IBRAHIM)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA

PUTRAJAYA
19 OGOS 2021

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

Kami, **Y.M. Raja Dato' Azwane Raja Ariff** dan **Prof. Ir. Ts. Dr. Mohd Rizal Arshad** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah **Universiti Malaysia Perlis**, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Kumpulan Wang dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan **Universiti Malaysia Perlis** pada 31 Disember 2020 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangan bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi Pihak Lembaga Pengarah

Y.M. RAJA DATO' AZWANE RAJA ARIFF
Pengerusi

PROF. IR. TS. DR. MOHD RIZAL ARSHAD
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Menjalankan Fungsi Naib Canselor

Tarikh : 15 APR 2021

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN BADAN BERKANUN BERKENAAN

Saya, **Rusdi Puteh**, No. K.P: 720225-02-5299 pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Universiti Malaysia Perlis dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Kumpulan Wang dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh penama di atas di Kangar, Perlis pada 15 APR 2021

BENDAHARI
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH
R 021
